



LAPORAN TAHUNAN 2013

Dengan Hikmah Kita Meneroka >>



Kandungan

Visi, Misi dan Moto	
Objektif	
Polisi Kualiti	
Falsafah Pendidikan Universiti	
Sejarah	
Canselor	
Pro-Canselor	
Lembaga Pengarah Universiti	01
Ahli Eksekutif	02
Ahli Senat Universiti	03
Ketua Pusat Tanggungjawab	04
Struktur Organisasi	05
Laporan Naib Canselor	08
Petunjuk Prestasi Utama	11
Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia	17
Hal Ehwal Akademik	25
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	35
Penyelidikan dan Inovasi	53
Hubungan Industri dan Masyarakat	65
Penerbitan	75
Perpustakaan	85
Laporan Kewangan	91
Penyata Kewangan	97

VISI

Menuju ke arah universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari

MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi berasaskan paradigma tauhid

MOTO

"Dengan Hikmah Kita Meneroka"



Melaksanakan program akademik yang diiktiraf dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman

Melaksanakan penyelidikan tersohor dalam bidang teras universiti serta menjana harta intelek

Meningkatkan pengantarabangsaan Universiti melalui jalinan kerjasama strategik yang berkesan dengan universiti dan organisasi luar negara

Meningkatkan hubungan dan kerjasama Universiti-Industri yang produktif dan lestari

Mengurus dan membangun sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti

Menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan

Mempromosikan Universiti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi

Menyediakan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi selaras dengan budaya keilmuan Universiti

POLISI KUALITI

Matlamat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ialah untuk menyediakan program akademik berkualiti tinggi berteraskan sains dan teknologi bagi memenuhi atau melampaui kehendak pelanggan melalui kecemerlangan pengurusan organisasi dan pembaikan berterusan. Pihak pengurusan tertinggi dan staf di semua peringkat adalah komited untuk melaksana dan mengekalkan sistem pengurusan berkualiti yang efektif dengan memenuhi keperluan MS ISO 9001 : 2008. Objektif kualiti Universiti diwujudkan, dilaksanakan, dipantau dan secara berkala dikaji semula bagi menentukan pencapaian, kesesuaian serta dikemaskinikan sejajar dengan visi dan misi Universiti.

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI

Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran-melalui-pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan.

SEJARAH

Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). PLSP berperanan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk sistem politeknik di negara ini. Penubuhan ini mencatatkan satu lembaran baru dalam perkembangan pendidikan negara. Pada masa itu, pusat ini dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani bersama pada 28 Jun 1993.

PLSP telah diiktiraf sebagai sebuah institusi teknologi yang cemerlang terutamanya dalam menangani isu pembangunan sumber manusia khususnya dalam bidang teknikal di negara ini. Kejayaan tersebut telah membawa kepada pengisytiharan nama baru oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996.

ITTHO terus berkembang dan berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai penyumbang kepada perkembangan pendidikan yang berteraskan sains dan teknologi. Sebagai sebuah institusi yang menjadi nadi penggerak dalam merealisasikan hasrat negara, maka kabinet pada 27 September 2000 telah bersetuju menaiktaraf ITTHO kepada sebuah Universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pengumuman bersejarah ini telah dibuat oleh Y.B Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia pada 30 September 2000.

Lembaran baru perjalanan menuju puncak kegemilangan institusi ini diteruskan lagi apabila mesyuarat Kabinet yang telah diadakan pada 20 September 2006 telah meluluskan untuk menukar nama KUiTTHO kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). 1 Februari 2007 merupakan satu tarikh keramat kepada semua warga universiti apabila Yang Berhormat Datuk Mustapa bin Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi membuat pengumuman rasmi mengenai perkara tersebut. Majlis Perisytiharan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berlangsung pada 2 Mac 2007 dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein Onn.



Canselor

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR
Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim



Pro-Canselor

DULI YANG AMAT MULIA TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM
Tunku Mahkota Johor

Lembaga Pengarah Universiti

Pengerusi

Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md. Hussin
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd.

Ahli

Profesor Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Mejar Jeneral (B) Dato' Md. Ismail bin Ahmad Khan
Pengarah Urusan
TALHIS-K Sdn Bhd

Dato' Sri Sufri bin Hj Mohd Zin
Pengerusi Eksekutif
TRC Synergy Berhad

Dato' Ir. Wahab bin Suhaili
Pengerusi
Jurutera Perunding Wahba Sdn Bhd

Datuk Dr. Pang Chau Leong
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Kementerian Sumber Manusia

Profesor Dr. Shamsuddin bin Baharin
Pengarah Bahagian Hubungan Industri
Kementerian Pengajian Tinggi
(sehingga Ogos 2013)

Datuk Dr. Amin bin Senin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
(dari September 2013)

Profesor Ir. Dr. Haji Abas bin Abdul Wahab
Profesor/Ahli Senat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Encik Zainal Abidin bin Mat Nor
Ketua Seksyen Wang Awam 1
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat
Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia

Encik Jamalulail bin Abu Bakar
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha

Tuan Haji Sulam bin Hamid
Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

AHLI EKSEKUTIF

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor / Pengerusi

Profesor Dr. Hashim bin Saim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd. Kassim
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Tuan Haji Sulam bin Hamid
Pendaftar

Tuan Haji Misro bin Jerut
Bendahari

Puan Shereen Sabrina binti Abdul Shukor
Setiausaha

SENAT

Profesor Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin
Naib Canselor/Pengerusi

Profesor Dr. Hashim bin Saim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim
Penolong Naib Canselor
(Pembangunan)

Profesor Dr. Ahmad Shakri bin Mat Seman
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Abdul Halid bin Abdullah
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar

Profesor Ir. Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Madya Dr. Yusri bin Yusof
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
dan Pembuatan

Profesor Madya Sr. Dr. David Martin @ Daud Juanil
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi
dan Perniagaan

Dr. Razali bin Hassan
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal
dan Vokasional

Profesor Madya Dr. Nazri bin Mohd Nawi
Dekan Fakulti Sains Komputer dan
Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Azme bin Khamis
Dekan Fakulti Sains, Teknologi
dan Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Dr. Hj. Ismail bin Abdul Rahman
Dekan Pusat Pengajian Diploma

Profesor Madya Dr. Sh Salleh bin Sh Ahmad
Dekan Pusat Pembangunan
dan Latihan Akademik

Profesor Madya Dr. Ahmad bin Esa
Pengarah Pusat Kokurikulum

Profesor Dato' Dr. Hj. Ismail bin Hj. Bakar
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

Profesor Dr. Mohammad Zazar bin Mohamed Jenu
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Hj. Ayob bin Hj. Johari
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Ir. Dr. Hj. Abas bin Ab Wahab
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Dr. Sulaiman bin Hj. Hasan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Ir. Dr. Saparudin bin Ariffin
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Ir. Mohammad Zainal bin Md Yusof
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Hj. Mohd Imran bin Hj. Ghazali
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Dr. Jailani bin Md Yunos
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Maizam binti Alias
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Hj. Mustafa bin Mat Deris
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Rosziati binti Ibrahim
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Datin Dr. Maryati binti Mohamed
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

Profesor Dr. Noraini binti Kaprawi
Pengarah Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti

Ir. Alias bin Mohd Zin
Menjalankan Tugas Pengarah
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina

Tuan. Hj. Sulam bin Hamid
Pendaftar / Setiausaha

Tuan. Hj. Misro bin Jerut
Bendahari

Encik Bharun Narosid bin Mat Zin
Ketua Pustakawan

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd Karim
Penolong Naib Canselor (Pembangunan)
(mulai 01/06/2013)

Tuan Hj. Sulam bin Hamid
Pendaftar

Tuan Haji Misro bin Jerut
Bendahari

Encik Bharun Narosid bin Mat Zin
Ketua Pustakawan

Profesor Dr. Ahmad Shakri bin Mat Seman
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Abd. Halid bin Abdullah
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
(mulai 01/06/2013)

Profesor Ir. Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
(mulai 01/06/2013)

Profesor Madya Dr. Yusri bin Yusof
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Dr. Razali bin Hassan
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional

Profesor Madya Dr. Sr. David Martin @ Daud Juanil
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

Profesor Madya Dr. Nazri bin Mohd Nawi
Dekan Fakulti Sains Komputer
dan Teknologi Maklumat
(mulai 01/06/2013)

Profesor Madya Dr. Azme bin Khamis
Dekan Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Dr Ismail bin Abd Rahman
Dekan Pusat Pengajian Diploma
(mulai 16/08/2013)

Dr. Sh Salleh bin Sh Ahmad
Dekan Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik

Profesor Madya Dr Ahmad bin Esa
Pengaruh Pusat Kokurikulum
(mulai 01/08/2013)

Profesor Dr. Noraini binti Kaprawi
Pengaruh Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti

Profesor Haji Ayob bin Haji Johari
Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan
dan Perundingan

Profesor Dr. Rosziati bt Ibrahim
Dekan Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Ir Alias bin Mohd Zin
Menjalankan tugas
Pengaruh Pembangunan dan Pengurusan Hartabina
(mulai 01/10/2013)

Profesor Madya Dr. Asri bin Selamat
Dekan Pusat Pembangunan dan Pengembangan
Pelajar

Profesor Madya Dr. Hj. Abd Talib b Bon
Pengaruh Pusat Perumahan & Pengangkutan Pelajar

Profesor Madya Dr. Wan Azlinda binti Wan Mohamed
Pengaruh Pusat Pendidikan Berterusan

Profesor Madya Dr. Mohd Idrus bin Hj. Mohd Masirin
Pengaruh Pejabat Antarabangsa

Tuan Haji Baharudin bin Yaman @ Abd. Ghani
Menjalankan tugas Pengarah Pusat Islam

Dr. Mohammad Fahmi bin Abdul Ghaffir
Pengaruh Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni

Dr. Hariati binti Mohd Taib
Ketua Pejabat Hubungan Universiti & Industri

Encik Rosmahalil Azrol bin Abdullah
Ketua Pejabat Hubungan Universiti & Masyarakat

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Timbalan Pendaftar Kanan (Pejabat Pengurusan Aka-
demik)

Dr. Saidatun Nisak binti Derwis
Pengaruh Pusat Kesihatan Universiti


Dr. Kamaruddin Malik bin Mohamad
Pengaruh Pusat Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Rozilah binti Kasim
Ketua Penerbit

Encik Mohd Sani bin Mohd Shaari
Ketua Pejabat Hal Ehwal Pelajar

Encik Azli bin Pudim
Pengurus Pusat Sukan

STRUKTUR ORGANISASI



Sumber : Pejabat Pendaftar , 19 November 2013



LAPORAN NAIB CANSOLOR
| LAPORAN TAHUNAN 2013



Naib Canselor

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Segala puji bagi Allah dengan limpah dan kurniaNya mengizinkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk meneruskan kecemerlangan serta berdiri dengan perkasa seiring dengan institusi pengajian tinggi yang disegani dan dikagumi di setiap peringkat.

Tahun 2013 menyaksikan UTHM terus melangkah seiring dan berdaya saing dengan melakar beberapa kecemerlangan sebagai sebuah universiti teknikal yang mampu melonjakkan lagi kedudukan dan kewibawaannya di persada pengajian tinggi di Malaysia. Kejayaan dan kecemerlangan yang dikecapi sebelum ini adalah merupakan hasil usaha gigih keseluruhan warga universiti yang begitu komited dan istiqamah bagi memastikan UTHM terus mengorak langkah maju ke hadapan secara proaktif dan inovatif untuk memperkasakan aktiviti akademik serta melebarkan jaringan kepelbagaian pihak di peringkat nasional dan antarabangsa.



Secara keseluruhannya pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP) UTHM pada tahun 2013 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana 85 peratus KPI melebihi sasaran ditetapkan. Ini merupakan satu petunjuk bahawa perancangan dan aktiviti yang dilaksanakan di UTHM adalah selari dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

UTHM telah menempa kejayaan dengan menerima dua anugerah iaitu "The Most Supportive Organisation for Recruitment of Graduate Members for The Institution 2012" dan "The Most Active Organisation for Recruitment of Members for The Institution 2012" daripada Institutusi Jurutera Malaysia (IEM). Anugerah

ini dilihat sebagai bukti pengiktirafan badan profesional ini terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak universiti dalam mengungguli bidang kejuruteraan di persada nasional.

UTHM turut berbangga apabila buat julung-julung kalinya dua jurnal terbitan UTHM berjaya berada di kedudukan 10 teratas dalam Malaysian Citation Center, Mycite Citation Report iaitu Journal of Science and Technology (JST) yang menduduki tempat kedua dengan memperoleh impact factor 0.105, Quartile Score 1 (Q1) dan International Journal of Integrated Engineering (IJIE) di kedudukan ke-10 yang mempunyai impact factor 0.025, Quartile Score 1 (Q3).

UTHM juga telah meraih kejayaan apabila dinobatkan sebagai juara pertandingan penciptaan perisian dan teknologi Imagine Cup Malaysia 2013 dalam kategori "Software Design Challenge" dan seterusnya mewakili Malaysia ke pertandingan akhir peringkat antarabangsa di Saint Petersburg, Russia.

Pada tahun 2013 UTHM telah menerima kemasukan pelajar baharu seramai 4,148 orang. Enrolmen pelajar sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 15,267 orang berbanding 14,572 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 5 peratus. Daripada jumlah tersebut seramai 1,969 (13%) pelajar adalah di peringkat Diploma, 11,429 (75%) Sarjana Muda, seorang Diploma Lulusan Ijazah, 1,414 (9%) Sarjana dan 454 (3%) Doktor Falsafah. Jumlah pelajar yang bergraduat pada tahun 2013 adalah seramai 3,520 orang iaitu bertambah sebanyak 27 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Dari sudut penawaran program pula, pada

tahun ini sebanyak 16 program akademik baharu telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang meliputi satu program 12 program Sarjana Muda, 3 program Sarjana dan satu program Doktor Falsafah.

Laman web UTHM berjaya mengekalkan pengiktirafan dengan taraf lima bintang dalam Penilaian Laman Web dan Portal Agensi Kerajaan kategori Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2013 yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Penarafan webometrics UTHM di peringkat dunia turut meningkat daripada kedudukan 2,377 kepada kedudukan 2,055 (kedudukan ke-12 antara IPT seluruh Malaysia).

Pelbagai usaha dibuat secara berterusan untuk meningkatkan pencapaian peratusan pensyarah yang memiliki kelayakan Ph.D di Universiti. Sehingga 31 Disember 2013 bilangan pensyarah berkelayakan Ph.D dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah adalah seramai 300 orang. Pada tahun ini, seramai 40 orang staf telah diluluskan cuti belajar di peringkat Ph.D di dalam dan juga luar negara. Secara keseluruhan sepanjang tahun 2013 seramai 298 orang staf akademik sedang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara bagi pengajian peringkat Ph.D atau Sarjana.

Pemeriksaan aspek penyelidikan dan inovasi terus dilaksanakan dengan kejayaan UTHM memperolehi dana penyelidikan berjumlah RM17,725,152.16 yang melibatkan 362 projek penyelidikan. Jumlah dana ini menunjukkan peningkatan yang amat ketara berbanding pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan kualiti proposal penyelidikan yang disediakan bertambah baik dengan kadar kelulusan yang tinggi. Pada tahun ini juga sebanyak 23 produk hasil penyelidikan dan inovasi UTHM telah difailkan untuk pendaftaran paten manakala 7 produk telah mendapat hak paten.

Universiti semakin menyerlah dalam bidang penyelidikan dan inovasi di sepanjang tahun 2013 dengan kejayaannya memperoleh sebanyak 73 pingat yang terdiri daripada

22 emas, 24 perak dan 24 gangsa serta tiga anugerah khas melalui penyertaan dalam Malaysia Technology Expo 2013 (MTE2013), 24th International Invention, Innovation, and Technology Exhibition 2013 (ITEX'13), Persidangan & Expo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (PECiPTA 2013), Bio MALAYSIA 2013 dan Seoul International Invention Fair (SIIF 2013). Penyelidik UTHM yang telah berjaya mengharumkan nama universiti ialah Dr. Soon Chin Fhong, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik telah dianugerahkan 'Women Bioinovator of the Year' dalam Bio Malaysia 2013, Profesor Madya Dr. Anika Zafiah binti Mohd Rus dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan telah dianugerahkan 'Korean Invention News 2013' dalam PECiPTA 2013 dan juga Anugerah Malam Citra dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusof bin Ismail dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik telah dianugerahkan Special Price Award SIIF 2013 dalam SIIF 2013 serta Profesor Dr Lee Yee Loon dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar dan Profesor Madya Dr. Mohd Saidin bin Wahab dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan masing-masing menerima Anugerah Malam Citra dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

UTHM terus mengorak langkah memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha menggalakkan interaksi dan persepakatan yang boleh membawa faedah bersama. Sepanjang tahun 2013, sebanyak lima Memorandum Perjanjian (MoA), 20 Memorandum Persefahaman (MoU) dan satu Surat Hasrat (LoI) telah ditandatangani antara UTHM dengan rakan kerjasamanya sama ada dari dalam mahu pun luar negara yang meliputi institusi pendidikan, industri, agensi dan juga jabatan. Ikatan kerjasama ini menunjukkan perkembangan dan hasil yang positif apabila beberapa aktiviti kerjasama yang dirancang telah berjaya dijalankan.

Pencapaian UTHM untuk tahun 2013 turut melakarkan kejayaan dan kegemilangan dalam kegiatan kokurikulum dan sukan di persada dunia apabila Mohd Zulfadli bin Rozali, atlet

mendayung (rowing) UTHM telah mencipta kejayaan dalam dunia sukan tersebut. Beliau yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional antara atlet UTHM yang telah beraksi di Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2013 yang berlangsung di Kazan, Russia dan World Rowing Championship 2013 yang berlangsung di Chendju, Korea Selatan. Penyertaan beliau dalam kedua-dua kejohanan ini telah berjaya menempatkan beliau di ranking ke-22 dunia bagi acara Men Single Scull Light Weight.

Kejayaan beliau di peringkat antarabangsa berjaya menjulang nama UTHM sebagai pelopor pembangunan sukan mendayung peringkat IPT dan kebangsaan. Beberapa siri kejayaan beliau banyak membantu pasukan UTHM mencipta koleksi kejayaan seawal penglibatan beliau dalam sukan ini. Selain daripada menyertai kejohanan jemputan peringkat antarabangsa, beliau juga telah menyumbangkan pingat emas dalam acara Single Scull dan pingat perak dalam acara Men's Boat 8+ dalam kejohanan Varsity Boat Race 2013 yang telah membantu Pasukan Malaysia meraih Juara Keseluruhan dalam kejohanan tersebut.

UTHM juga telah berjaya melangkah lebih bergaya dengan penubuhan University Community Transformation Centre (UCTC) atau Pusat Transformasi Komuniti Universiti (PTKU) bertujuan sebagai satu platform yang berfungsi sebagai pusat sehenti (one stop centre) yang menawarkan pelbagai maklumat kepada komuniti dan pelawat pelbagai peringkat umur untuk menyertai program menggunakan fasiliti serta kemudahan universiti bagi meningkatkan kualiti hidup. UTHM dipilih sebagai salah sebuah daripada enam IPTA lain bagi merealisasikan hasrat kerajaan yang merupakan hasil dari Strategi Lautan Biru

Kebangsaan untuk penubuhan UCTC yang merupakan penjenamaan semula pusat khidmat masyarakat yang amat diperlukan oleh komuniti dengan kos yang minimum. Penubuhan pusat ini akan dapat meningkatkan dan mengembangkan kerjasama dengan organisasi lain selain menghubungkan komuniti untuk mencapai maksud penubuhannya iaitu mengemblengkan sumber intelektual serta sumber fizikal universiti untuk mentransformasikan masyarakat.

Selaras dengan hasrat untuk memperkasakan lagi nama UTHM, pihak Universiti telah memperkenalkan logo baharu UTHM yang menonjolkan penataan akronim yang menyerlahkan nama UTHM. Penukaran kepada logo baharu ini berkuatkuasa pada 20 Ogos 2013. Logo ini merupakan sebahagian penjenamaan semula imej korporat universiti yang tampak lebih menarik dan segar. Logo baharu universiti diperkenalkan bersempena sambutan ulang tahunnya yang ke-20 pada tahun ini. Konsep keseluruhan logo ini melambangkan UTHM sebagai sebuah IPT yang mendukung pengembangan dan pembangunan ilmu di pelbagai peringkat di dalam bidang sains dan teknologi.

Buku Laporan Tahunan 2013 ini merupakan suatu bukti kukuh yang mencerminkan bahawa UTHM senantiasa bergerak maju ke hadapan, melaksanakan transformasi dengan penuh dinamis serta strategis bagi mengorak langkah ke arah pengislahan yang senantiasa selari dengan kehendak keperluan negara dan dunia khususnya dalam kalangan institusi pengajian tinggi. Pencapaian membanggakan sepanjang tahun 2013 ini adalah merupakan hasil kerja tanpa mengenal lelah warga UTHM secara kolektif untuk memastikan UTHM akan terus mengungguli persada pengajian tinggi.



PETUNJUK PRESTASI UTAMA
| LAPORAN TAHUNAN 2013

Projek Agenda Kritikal (CAP)

Sebagai langkah untuk memastikan prestasi pencapaian UTHM adalah selari dengan objektif PSPTN, setiap aktiviti dan perancangan yang dibuat akan menerapkan elemen-elemen penting PSPTN. Beberapa Projek Agenda Kritikal (CAP) telah diwujudkan untuk mencapai hasrat PSPTN. Bagi pelaksanaan di UTHM, setiap CAP diketuai oleh seorang ketua yang dilantik oleh Naib Canselor dan Ketua CAP adalah bertanggungjawab mengetuai

jawatankuasa bagi mengenalpasti aktiviti dan sasaran utama untuk menyokong pencapaian strategik aktiviti CAP. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menetapkan sasaran pencapaian Universiti bagi setiap CAP. Ketua CAP berperanan memastikan pengumpulan data dilaksanakan secara berkala dan berterusan. UTHM mempunyai 11 CAP yang aktif dalam pemantauan sendiri sepanjang tahun 2013. Sasaran dan pencapaian KPI Universiti tahun 2013 bagi pelaksanaan CAPs dapat dilihat dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Prestasi KPI Tahun 2013 bagi Pelaksanaan CAPs

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Akademia	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	250	192
	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	40	45
	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/ Profesor Pelawat	4	4
	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakarrujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa	20	21
	Bilangan jemputan yang diterima oleh ahli akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	20	5
Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 4 amalan pendidikan liberal	75	77

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
e-Pembelajaran	Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam Mod Blended Learning	740	931
Penyelidikan & Pembangunan	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	125,000	150,909
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	125,000	260,400
	Bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks	30	98
	Bilangan jurnal IPT tempatan yang diindeks	1	0
	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks.	300	327
	Jumlah harta intelek (IP) yang difailkan	10	41
Pengantarabangsaan	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	57	45
	Jumlah 'inbound' pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa berkredit	35	2
	Jumlah 'inbound' pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa tidak berkredit	315	91
	Jumlah 'outbound' pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa berkredit	15	8
	Jumlah 'outbound' pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa tidak berkredit	135	401
	Jumlah pelajar antarabangsa	514	462

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MyBrain 15	Bilangan pelajar Ph.D (sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	5	10
	Bilangan pelajar Ph.D warganegara yang digraduasi oleh IPTA	15	10
	Bilangan pensyarah berkelayakan Ph.D dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	250	301
	Enrolmen pelajar Ph.D dan setaraf di IPTA	350	334
	Enrolmen pelajar sarjana dan setaraf di IPTA	1,500	1,225
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Bilangan penyertaan program PSH (Program PSH Formal)	500	2,086
	Bilangan penyertaan program PSH (Program PSH Tidak Formal)	1,000	1,712
	Bilangan Program PSH di IPTA	30	44
Pembangunan Holistik Pelajar	Peratusan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus Ko-Kurikulum Berkredit (KKB) terlibat dengan aktiviti University Community Engagement (UCE)	34	46
Industri - Akademia	Jumlah pendapatan dibahagikan dengan belanja mengurus (Total income obtained divided by operation budget (%))	9	19
Keusahawanan	Bilangan siswazah / lulusan IPTA menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	10	13
	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pasca siswazah) yang mendapat pendedahan melalui program / aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum).	1,200	1,762

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Program Pemindahan Pengetahuan	Bilangan amalan terbaik dalam pemindahan pengetahuan yang diterimapakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri	1	1
	Bilangan projek pemangkin/ Flagship Pemindahan Pengetahuandan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	2	2
	Bilangan Projek Pemindahan Pengetahuan dan Akademik dengan kerjasama Industri / Komuniti	5	4

Kejayaan pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) berdasarkan kepada Projek Agenda Kritikal (CAPs) UTHM pada tahun 2013 banyak didokong oleh pencapaian Bilangan Faktor Impak Kumulatif Bagi Penerbitan Dalam Jurnal Yang Diindeks. UTHM telah berjaya mencapai 98 berbanding sasaran sebanyak 30. Langkah pemberian insentif kepada staf akademik sebagaimana yang diperuntukkan dalam Dasar Penerbitan Universiti telah berjaya menarik minat staf akademik untuk menerbitkan jurnal berindeks dan seterusnya membantu kepada pencapaian KPI UTHM.

Selain itu, pencapaian 401 jumlah 'outbound' pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa tidak berkredit berbanding sasaran 135, turut menyumbang kepada pencapaian prestasi keseluruhan KPI UTHM. Program mobiliti pelajar ke luar Negara di sekitar Asia seperti China, Thailand, Singapura dan Indonesia telah banyak memberi faedah serta pendedahan kepada pelajar mengenai budaya dan kemajuan sesebuah Negara.

UTHM turut komited di dalam memastikan pencapaian KPI Pembelajaran Sepanjang Hayat (Program PSH Formal). Penawaran Program Pengajian Sarjana Kerja Kursus Secara Separuh Masa (Pesisir) di Pusat Pembelajaran Wilayah (PPW) di seluruh Negara seperti di Kedah, Selangor, Kuala Lumpur serta Sabah

dan Sarawak telah memberi peluang kepada masyarakat untuk mengikuti pengajian yang ditawarkan. UTHM turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menawarkan Program Pensiswazahan Guru Besar melalui Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Kejayaan pencapaian KPI di bawah CAP Pembangunan Holistik pelajar dan CAP Keusahawanan turut menyumbang kepada pencapaian keseluruhan KPI CAP UTHM 2013. Pengwujudan Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC) di Kluang, Johor serta Pusat Keusahawanan Universiti telah memberikan impak positif terhadap penglibatan pelajar dalam Program Khidmat Masyarakat dan Program Keusahawanan Siswa.

Secara keseluruhannya pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAPs) UTHM pada tahun 2013 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana 85 peratus KPI telah mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan. UTHM sentiasa komited untuk memastikan prestasi pencapaian UTHM adalah selari dengan objektif PSPTN. Justeru setiap aktiviti dan perancangan yang dibuat akan menerapkan elemen-elemen penting PSPTN ini.



**PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA | LAPORAN TAHUNAN 2013**



Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2013 yang bersidang pada 20 Ogos 2013 telah bersetuju untuk meluluskan penggunaan Logo Rasmi UTHM yang baharu. Logo baharu yang menonjolkan nama UTHM ini dapat memberi impak yang berkesan dari sudut publisiti. Ianya juga adalah selaras dengan trend semasa logo-logo Universiti di seluruh dunia yang menitik beratkan kejelasan (Visibility) dalam sudut promosi dan pengiklanan. Konsep keseluruhan logo ini melambangkan UTHM sebagai sebuah IPT yang mendukung pengembangan dan pembangunan ilmu di pelbagai peringkat di dalam bidang sains dan teknologi.

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Tahun 2013 menyaksikan pelantikan semula Yang Berbahagia Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus Md. Hussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM. Pelantikan beliau adalah berkuatkuasa pada 16 April 2013. Di samping itu juga, seorang ahli baru Lembaga Pengarah UTHM iaitu Datuk Dr. Amin bin Senin telah dilantik pada tahun ini. Beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelantikan beliau adalah berkuatkuasa pada 15 September 2013.

Pelantikan Naib Canselor UTHM

Perkhidmatan Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin selaku Naib Canselor UTHM setelah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia telah disambung pada 16 Oktober 2013 untuk tempoh dua tahun.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Hashim bin Saim telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk tempoh tiga tahun

berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat), UTHM. Pelantikan ini adalah bagi mengisi jawatan yang sebelum ini disandang oleh Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Dato' Abdul Samad yang telah tamat tempoh lantikannya.

Perjawatan

Pada tahun 2013 jumlah keseluruhan staf UTHM adalah seramai 2,191 orang dan daripada jumlah tersebut tujuh orang adalah pemegang jawatan pengurusan tertinggi, 1,019 orang staf akademik dan 1,165 orang adalah terdiri daripada staf pentadbiran. UTHM juga mempunyai seramai 23 orang staf akademik kontrak luar negara yang terdiri daripada warganegara Filipina, Indonesia, India, Pakistan, Jepun dan United Kingdom. Sementara itu seramai 10 orang staf telah menamatkan perkhidmatan sepanjang tahun ini atas sebab persaraan, pelepasan dengan izin, perletakan jawatan, tamat kontrak dan lain-lain sebab penamatan.

Pensyarah Berkelayakan Ph.D

Program MyBrain15 merupakan salah satu projek agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Matlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Antara program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 Skim Latihan Akademik IPTA bertujuan meningkatkan kualiti tenaga pengajar di IPTA selaras dengan objektif PSPTN iaitu "Memperkasa Institusi Pengajian Tinggi". Sehingga 31 Disember 2013 bilangan pensyarah berkelayakan Ph.D dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah adalah seramai 225 orang.

Staf Cuti Belajar

Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2013 seramai 313 orang staf yang terdiri daripada 298 orang staf akademik dan 5 orang staf

pentadbiran sedang cuti belajar bagi mengikuti pelbagai peringkat pengajian di dalam dan luar negara. Statistik staf yang sedang cuti belajar pada tahun 2013 dapat dilihat dalam **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Bilangan Staf yang Sedang Cuti Belajar pada Tahun 2013

Peringkat Pengajian	Staf Akademik	Staf Pentadbiran
Post-Doktoral	1	-
Ph.D	292	-
Sarjana	5	4
Sarjana Muda	-	1
Diploma	-	-
JUMLAH	298	5

Simposium Pengurusan Bakat (TMS 2013)

Pada tahun 2013, UTHM telah berjaya menganjurkan simposium Pengurusan Bakat (Talent Management) iaitu satu program perkongsian bidang kepakaran dalam kalangan calon-calon Ph.D UTHM yang sedang menuntut di negara Jepun. Simposium ini telah diadakan pada 30 dan 31 Oktober 2013 bertempat di Nagoya Institute of Technology (NITech), Nagoya, Jepun.

Objektif simposium ini ialah untuk mengurus dan membangunkan bakat yang ada dalam kalangan staf yang sedang membuat pengajian Ph.D Ia serta untuk mendapatkan maklumat terkini tentang bakat atau bidang kepakaran yang dipelopori oleh ahli akademik UTHM dan untuk mendapat maklum balas calon-calon Ph.D tentang isu-isu penyelidikan, suasana kehidupan dan pembelajaran dari pelbagai universiti di negara Jepun.

Simposium kali ini telah dihadiri oleh 11 orang staf UTHM yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D dari seluruh negara Jepun. Pembentangan setiap peserta dinilai berpandukan rubrik penilaian Ph.D dari Pusat Pengajian Siswazah. Penilaian dilaksanakan oleh dua atau tiga orang panel penilai yang terdiri daripada delegasi UTHM. Kaedah penilaian adalah melalui perbentangan peserta dalam bidang Ph.D masing-masing. Buat julung kalinya, kategori Best Paper Award dalam

bidang Kejuruteraan telah dipertandingkan dan telah dimenangi oleh Pn. Nurmiza Othman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Selain itu, pengisian program TMS2013 turut diisi dengan Pembentangan Pembentangan Keynote Speaker oleh Prof. Dr. Soga Tetsuo dari Department of Electrical and Electronic Engineering, NITech dan Prof. Dr. Fujita Motohiro, Department of Civil Engineering and Systems Management, NITech.

Amanat Tahun 2013 Naib Canselor

Majlis Amanat Tahun 2013 Naib Canselor telah diadakan pada 28 Februari 2013 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Amanat yang bertemakan "UTHM Terus Melangkah Seiring dan Berdaya Saing" telah mengajak warga UTHM untuk meletakkan usaha dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan selari dengan halatuju dan perancangan UTHM yang telah direkabentuk dalam perancangan strategik. Majlis Amanat Tahun Baru 2013 ini telah dihadiri oleh lebih 2,000 orang staf UTHM. Ucapan Dato' Naib Canselor antara lain telah membincangkan 7 perkara iaitu Matlamat Akademia, Penyegaran Roh Akademia ke Arah Pencapaian Enam Bintang dalam SETARA atau D-SETARA, 2012 Secara Ringkas, Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi, Pelan Tindakan UTHM 2013-2016, Merealisasikan Pelan Tindakan 2013 serta Doa dan Harapan.


Majlis Diskusi Ilmu: Refleksi Sasaran Kerja Tahunan Universiti 2012

Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti UTHM telah menganjurkan satu Majlis Diskusi Ilmu bertajuk "Refleksi Sasaran Kerja Tahunan Universiti Bagi Setengah Tahun 2013" pada 2 Ogos 2013 bertempat di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM. Majlis Diskusi Ilmu ini diadakan bertujuan untuk mengimbas tentang pencapaian Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) bagi enam bulan pertama tahun 2013. Program ini merupakan salah satu pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti bagi berkongsi maklumat dan pandangan selain memberi pendedahan semasa mengenai pelaksanaan dan pencapaian SKTU bagi tahun 2013. Selain itu, penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada Juruaudit Amalan 5S dan penyampaian Watikah Pelantikan CAPs iPMO UTHM 2013 turut diadakan di dalam majlis ini.

Kursus dan Latihan

Pelbagai bentuk kursus dan latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun yang merangkumi keperluan latihan dan pembangunan staf akademik dan pentadbiran. Pada tahun 2013, Unit Pembangunan Modal Insan telah berjaya menganjurkan sebanyak 57

kursus dan latihan dalaman dengan melibatkan penyertaan seramai 2,636 peserta telah berjaya dilaksanakan termasuk yang dibuat secara usaha sama dengan beberapa Pusat Tanggungjawab lain. Sejumlah RM1,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Pejabat Pendaftar untuk menjalankan program latihan dan pembangunan staf sepanjang tahun 2013. Pada dasarnya, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia mensasarkan setiap staf perlu menjalani program latihan sekurang-kurangnya tujuh hari atau 40 jam setahun, selaras dengan apa yang telah digariskan dalam Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA). Mulai tahun 2011 penilaian prestasi tahunan staf turut mengambil kira elemen latihan dan pembangunan dalam penilaian prestasi staf. Ini telah berjaya memberi galakan dan dorongan kepada staf Universiti untuk memenuhi keperluan program latihan dan pembangunan staf seperti yang ditetapkan. Berdasarkan kepada jumlah staf yang berstatus aktif, pada tahun 2013, seramai 1,883 orang staf atau 98.83 peratus telah mengikuti latihan sekurang-kurangnya sekali, manakala seramai 1,827 orang staf atau 97 peratus telah menghadiri 40 jam atau lebih latihan dalam setahun. Perincian bilangan staf yang telah mengikuti latihan atau kursus pada tahun 2013 dapat dilihat dalam **Carta 1**.



Carta 1: Staf Menghadiri Latihan atau Kursus pada Tahun 2012

Kursus Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 31 kursus Pembangunan Profesionalisme Akademik telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan seramai 450 orang staf akademik. Kursus-kursus tersebut dibahagikan kepada lapan kategori seperti seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Program Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik Tahun 2013

Program Latihan	Tarikh
Kategori A: Wajib Universiti	
Taklimat Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Baru	27 Jun 2013
Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Baru	15 – 26 Julai 2013
Kategori B: Perancangan, Persediaan & Reka Bentuk Kursus	
Penyediaan MQA-04 Untuk Permohonan Program Baharu	9 Januari 2013
Penyediaan MQA-04 Untuk Permohonan Program Baharu	3 Jun 2013
Penyediaan Jadual Penentuan Ujian	8 Mei 2013
Kategori C: Penerapan Student-Centred Learning (SCL)	
<i>Project Oriented Problem Based Learning</i>	12 Mac 2013
<i>Problem Based Learning</i>	15 Mei 2013
<i>Understanding Learners</i>	14 – 15 Mei 2013

Program Latihan	Tarikh
Kategori D: Penyampaian	
Pendekatan Outcome Based Education (OBE) Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	18 Februari 2013
Pendekatan Outcome Based Education (OBE) Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	11 Jun 2013
Kecindan Dalam Pembelajaran dan Pengajaran : Suatu Perkongsian	11 Disember 2013
Seminar Amalan Pengajaran di UTHM : Suatu Perkongsian	20 Mac 2013
Kategori E: Pentaksiran	
Kursus Pentaksiran Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	31 Januari 2013
Bengkel Pentaksiran Kursus	21 – 22 Mei 2013
Kategori F: e-Learning	
Sistem e-Pembelajaran AUTHOR	26 Februari 2013
Sistem e-Pembelajaran AUTHOR	26 Jun 2013
21 st Century Educators	4 – 5 Jun 2013
Sistem e-Pembelajaran AUTHOR	28 Oktober 2013
Sistem e-Pembelajaran AUTHOR	30 Oktober 2013
Blogging in Teaching and Learning	7 November 2013
Introduction Open Education Resources (OER)	28 November 2013
Pengenalan Kepada Prezi	12 Disember 2013
Penggunaan iPad Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	18 Disember 2013
Seminar e-Learning	10 Disember 2013
Effective Googling	11 Disember 2013
Bengkel Pembangunan Pantas e-Kandungan	16 Disember 2013
Kategori G: English Language Skills	
English Camp	26 – 28 April 2013
Kategori H : On Demand	
Pra Bengkel Training for Trainers Occupational Safety and Health (OSHA) Anjuran Bersama Fakulti Teknologi Kejuruteraan	21 Februari 2013
Pengenalan Kepada Blended Learning	3 April 2013
Bengkel Training for Trainers Occupational Safety and Health (OSHA) Anjuran Bersama Fakulti Teknologi Kejuruteraan	19 April 2013
Bengkel Pengukuhan Pangkalan Data Langgan Perpustakaan Tunku Tun Aminah	15 November 2013

Peperiksaan Perkhidmatan Staf (PPS)

Pada tahun 2013, sebanyak satu sesi Peperiksaan Perkhidmatan Staf (PPS) telah diadakan yang melibatkan calon daripada pelbagai skim perkhidmatan. PPS telah dilaksanakan pada 7 hingga 14 Jun 2013. Seramai 19 calon telah menduduki peperiksaan yang mencatatkan keputusan 65 peratus kelulusan atau seramai 13 orang. Selain itu, Ujian Kemahiran ICT bagi tujuan kenaikan pangkat khusus untuk dua orang Setiausaha Pejabat dari Gred 22 ke 28 telah diadakan pada 12 November 2013 dengan mencatatkan 100% kelulusan.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM KERJA DAN PENGEMBANGAN KERJAYA


Kepimpinan dan modal insan berkualiti merupakan aset penting dalam memacu sesebuah organisasi. Justeru, dalam memacu kemerlangan di dalam urustadbir sumber manusia di universiti dan untuk memastikan kelangsungan pentadbiran yang kukuh serta berdaya saing, mulai tahun 2013, UTHM telah melaksanakan penstrukturan dan penjenamaan semula Unit-Unit dan Bahagian-Bahagian di Pejabat Pendaftar. Penstrukturan dan penjenamaan semula ini turut melibatkan pemurniaan dan pindaan terhadap proses

kerja yang dapat membantu mempercepatkan sesuatu proses kerja. Selain itu, sebagai langkah menangani pengurusan kejut, Universiti telah mula memperkasakan peranan dan tanggungjawab Penolong Pegawai Tadbir (PPT) dimana PPT kini diberi peranan sebagai Ketua Unit di sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Jasa Bakti UTHM

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM. Majlis yang merupakan acara tahunan ini telah diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan cemerlang berdasarkan prestasi tahunan staf. Pemberian anugerah ini dapat meningkatkan motivasi staf untuk terus membudayakan kecemerlangan di pelbagai bidang tugas rasmi mahupun di luar tugas rasmi. Seramai 174 orang staf telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Majlis penyampaian Anugerah Jasa Bakti kepada 233 orang staf yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun turut diadakan dan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM.





HAL EHWAL AKADEMIK
| LAPORAN TAHUNAN 2013

Pengambilan Pelajar

Jumlah kemasukan pelajar ke UTHM pada tahun 2013 adalah seramai 4,148 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut seramai 656 (15.8%) pelajar mengikuti pengajian di peringkat Diploma, 3,050 (73.5%) Sarjana Muda, 345 (8.3%) Sarjana dan 97 (2.4%) Doktor Falsafah.

Enrolmen Pelajar

Jumlah enrolmen pelajar sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 15,267 orang berbanding 14,572 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 4.77 peratus. Daripada jumlah tersebut seramai 1,969 (12.9%) pelajar adalah di peringkat Diploma, 11,492 (75.2%) Sarjana

Muda, 1,415 (9.2%) Sarjana dan 454 (2.7%) Doktor Falsafah.

Penghasilan Graduan

Jumlah pelajar yang bergraduat pada tahun 2013 adalah seramai 3,520 orang. Daripada jumlah ini 559 orang (15.9%) adalah graduan Diploma, 1,977 orang (56.2%) graduan Ijazah Sarjana Muda, 970 orang (27.6%) graduan Ijazah Sarjana dan 14 orang (0.3%) graduan Doktor Falsafah. Sehingga kini jumlah graduan UTHM adalah seramai 23,558 orang yang terdiri daripada graduan dalam pelbagai bidang kejuruteraan, teknologi, pengurusan teknologi dan pendidikan teknikal.



Penawaran Program

Jumlah program yang ditawarkan oleh UTHM pada tahun 2013 adalah sebanyak 69 program. Daripada jumlah ini 10 adalah di peringkat Doktor Falsafah, 25 Sarjana, 34 Sarjana Muda dan lapan Diploma. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti dalam **Jadual 4** berikut:

Jadual 4: Senarai Program yang Ditawarkan Pada Tahun 2013 Mengikut Fakulti

BIL	PROGRAM
FKAAS	
1.	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian
2.	Sarjana Kejuruteraan Awam (Kerja Kursus)
3.	Sarjana Kejuruteraan Awam (Penyelidikan)
4.	Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam
FKEE	
5.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
6.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
7.	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kerja Kursus)
8.	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Penyelidikan)
9.	Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik
FKMP	
10.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian
11.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
12.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian
13.	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kerja Kursus)
14.	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Penyelidikan)
15.	Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal
FPTP	
16.	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian
17.	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran & Operasi) dengan Kepujian
18.	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian
19.	Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian
20.	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi (Penyelidikan)
21.	Sarjana Sains Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti (Penyelidikan)

22.	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (Kerja Kursus)
23.	Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi
24.	Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti
FPTV	
25.	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian
26.	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian
27.	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian
28.	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Penyelidikan)
29.	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Kerja Kursus)
30.	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) – Kerja Kursus
31.	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) – Kerja Kursus
32.	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) – Kerja Kursus
33.	Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) – Kerja Kursus
34.	Doktor Falsafah Pendidikan
35.	Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional
FSKTM	
36.	Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian
37.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
38.	Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian
39.	Sarjana Muda Teknologi Maklumat
40.	Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian
41.	Sarjana Teknologi Maklumat (Penyelidikan)
42.	Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Lembut) – Mod Campuran
43.	Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) – Mod Campuran
44.	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Web) – Mod Campuran
45.	Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) – Mod Campuran
46.	Doktor Falsafah Teknologi Maklumat
FSTPI	
47.	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian
48.	Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian
49.	Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
50.	Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian
51.	Sarjana Sains (Penyelelidikan)
52.	Sarjana Sains (Matematik Gunaan) – Kerja Kursus

53.	Sarjana Sains (Statistik Industri) – Kerja Kursus
54.	Doktor Falsafah Sains
FTK	
55.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian
56.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian
57.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian
58.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Automasi Industri dengan Kepujian
59.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian
60.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer dengan Kepujian
61.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian
62.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Tekstil dengan Kepujian
63.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dengan Kepujian
64.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian
65.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian
66.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian
67.	Sarjana Teknologi Kejuruteraan (Penyelidikan)
68.	Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan
PPS	
69.	Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel (Mod Campuran)

Program Baharu

Pada tahun 2013 sebanyak 16 program akademik baharu telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang meliputi 12 program Sarjana Muda, 3 program Sarjana dan satu program Doktor Falsafah. Senarai program baharu yang telah diluluskan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

- i) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Kawalan Trafik Udara) Dengan Kepujian
- ii) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) Dengan Kepujian
- iii) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian
- iv) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan dan Fabrikasi Logam) Dengan Kepujian
- v) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) Dengan Kepujian
- vi) Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) Dengan Kepujian
- vii) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) Dengan Kepujian
- viii) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) Dengan Kepujian
- ix) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) Dengan Kepujian
- x) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer Dengan Kepujian
- xi) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian
- xii) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Dengan Kepujian
- xiii) Sarjana Teknologi Kejuruteraan – Penyelidikan**
- xiv) Sarjana Sains (Matematik Gunaan) – Kerja Kursus**

- xv) Sarjana Sains (Statistik Industri) – Kerja Kursus
- xvi) Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan

Akreditasi

Program Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Lembut) yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah berjaya memperoleh Sijil Akreditasi Penuh daripada Malaysia Qualification Agency (MQA) pada 31 Oktober 2013.

Majlis Konvokesyen Ketiga belas

Majlis Konvokesyen Ketigabelas UTHM telah diadakan pada 5, 6 dan 7 Oktober 2013 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Pada tahun ini seramai 3,520 orang graduan telah diraikan dalam majlis tersebut yang melibatkan 5 sidang. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang merupakan Canselor UTHM, telah berkenan untuk mencemar duli bagi menyempurnakan sidang pertama Majlis Konvokesyen ini. Konvokesyen kali ini menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti) kepada Gabenor Daerah Istimewa Jogjakarta, Baginda Sri Sultan Hamengku Buwono X. Penganugerahan ini diberikan



sebagai menghargai jasa beliau dalam pembangunan semula wilayah Jogjakarta setelah dilanda bencana gempa tektonik. Selain itu, Konvokesyen Ketigabelas turut menyaksikan pengurniaan gelaran Profesor Emeritus kepada mantan Naib Canselor UTHM iaitu Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Hj. Ismail bin Hj. Bakar.

UTHM 20th Anniversary Lecture Series

Bersempena ulang tahun Ke-20 UTHM yang akan disambut pada tahun 2013, satu siri pidato umum yang dikenali sebagai 'UTHM 20th Anniversary Lecture Series' telah diadakan dengan menyasarkan seramai 20 tokoh akademik ternama dari seluruh dunia akan dijemput bagi menyampaikan ceramah di UTHM sepanjang sambutan ulang tahun Ke-20 ini. Pada tahun 2013 seramai dua orang tokoh akademik masing-masing dari Indonesia dan Jerman telah diundang bagi



menyampaikan ceramah di UTHM. Siri ketiga 'UTHM 20th Anniversary Lecture Series' telah berjaya diadakan pada 25 April 2013 yang menyaksikan Profesor Akhmaloka, Rektor Institut Teknologi Bandung, Indonesia telah menyampaikan pidato bertajuk "The Need for Innovative Learning in The Asean Region : Addressing Significant Increase of Mobility Within The ASEAN Universities". Siri keempat pula telah berjaya dianjurkan pada 28 Ogos 2013 dengan menjemput Profesor Dr. Georg Spöttl daripada University of Bremen, Germany yang telah menyampaikan syarahan bertajuk "Shipping of Workers for Global Technological Competitiveness". Selain dapat menimba dan berkongsi pengetahuan, penganjur Lecture Series ini juga dapat memperkenalkan UTHM dengan lebih dekat lagi dalam kalangan tokoh-tokoh akademik tersohor dari seluruh dunia. Secara tidak langsung usaha ini mampu memperkukuh jaringan hubungan antara UTHM dan universiti-universiti yang terlibat.

Program Promosi

Pelbagai program promosi telah dilaksanakan pada tahun 2013. Program promosi ini telah dapat menyebarkan maklumat berkaitan UTHM khususnya bidang-bidang pengajian yang ditawarkan dan seterusnya menarik lebih ramai lagi pelajar melanjutkan pengajian di UTHM. **Jadual 5** berikut menunjukkan program promosi yang telah dilaksanakan pada tahun 2012.

Jadual 5: Program Promosi Pendidikan Tahun 2013

Bil	Program Promosi	Tarikh	
1	Karnival Pengajian Tinggi Negara Kali Ke-9 'Jom Masuk U 2013'	26 Januari 2013 – 14 April 2013	
	Zon 1		Kuala Lumpur
	Zon 2		Kota Kinabalu, Sabah
	Zon 3		Alor Setar, Kedah
	Zon 4		MITC, Melaka
	Zon 5		Kuching, Sarawak
	Zon 6		USM, Pulau Pinang
	Zon 7		Kuantan, Pahang
	Zon 8		Kuala Terengganu, Terengganu
	Zon 9		Kota Bharu, Kelantan
	Zon 10		Kuala Kangsar, Perak
Zon 11	Johor Bharu, Johor		
2	Konvoi Berbasikal Sempena Karnival Pendidikan Mini Jom Masuk U 2013	2 April 2013	
3	Mini Jom Masuk U Anjuran Dewan Undangan Negeri Panti Kota Tinggi	23 Februari 2013	

Bil	Program Promosi	Tarikh
4	Mini Jom Masuk U Anjuran Dewan Undangan Negeri Panti Pasir Raja	24 Februari 2013
5	Mini Pameran Khas Program Kejuruteraan Pengangkutan Rel, Aeronautik Dan Khidmat Masyarakat Universiti	7 Mac 2013
6	Pameran Mini Jom Masuk U Sempena Majlis Pelancaran UCTC.	2 – 3 April 2013
7	Pameran Hari Terbuka ATM Di Kem Mahkota Kluang	5-7 April 2013
8	Karnival Sains Dan Teknologi Anjuran PIBG Sekolah Menengah Seri Lalang.	10 April 2013
9	Pameran Universiti Sempena Himpunan Belia Johor 2013	13-16 Jun 2013
10	Pameran Dalam Soft Soil Engineering International Conference 2013 (SEIC'13) Anjuran Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)	17-19 September 2013
11	Pameran Biodiversiti Sempena Majlis Perasmian Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2013	12 November 2013
12	Promosi Kolej Matrikulasi Perlis Dan Kolej Matrikulasi Melaka.	28 November 2013
13	Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah	5-6 Disember 2013
14	Kolej Matrikulasi Perak	9-11 Disember 2013
15	Kolej Matrikulasi Pualu Pinang	11-12 Disember 2013
16	Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang	20-21 Disember 2013
17	Taklimat "Postgraduate Opportunities" – Peluang Penjaan Mybrain15 (MyPhD Dan MyMaster)	10 Januari 2013

Bil	Program Promosi	Tarikh
18	Promosi Program “Johor Career & Postgraduate Expo2013” Anjuran Penexpo Events Sdn Bhd	12 – 13 Januari 2013
19	Program Promosi “Gradmalaysia Career Fair & Postgradasilive 2013”	20 – 21 April 2013
20	Roadshow For Postgraduate Studies Opportunity 2013	22 – 31 Mei 2013
21	18 th . Post Graduate Education Fair 2013	5 – 7 September 2013
22	14 th Penang Career & Postgraduate Expo 2013”	23 – 24 November 2013

International Week dan International Cultural Evening 2013

Program International Week dan International Cultural Evening 2013 merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang dianjurkan khusus untuk mempromosikan UTHM sebagai salah sebuah IPTA Malaysia kepada masyarakat setempat dan antarabangsa. Di antara objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar antarabangsa untuk memperkenalkan negara masing-masing terutama dari segi budaya dan tradisi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan jalinan kerjasama dan meningkatkan persefahaman antara pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan serta komuniti setempat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah;

- i. Pameran Makanan dan Kebudayaan Antarabangsa
- ii. Tayangan Dokumentari Antarabangsa
- iii. Pertandingan Pengucapan Awam Bahasa Melayu
- iv. Karnival Futsal Antarabangsa
- v. Kursus Seni Pencak Silat dan Pertandingan Pertandingan Seni Pencak Silat
- vi. International Cultural Evening 2013



HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
| LAPORAN TAHUNAN 2013

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Tahun 2013

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM tahun 2013 telah diadakan pada 28 November 2013 dan berjalan dengan lancar. Seramai 23 calon telah bertanding bagi merebut 11 kerusi umum dan 30 calon lagi merebut 21 kerusi fakulti di 9 buah fakulti dan pusat. Pemilihan kali ini menyaksikan dua kerusi fakulti yang dipertandingkan telah dimenangi tanpa

bertanding. Bilangan pemilih yang telah keluar mengundi (dengan mengambilkira pemilih-pemilih yang tidak dapat hadir mengundi disebabkan menjalani Latihan Industri, Latihan Mengajar serta pelajar Program Pengsiswazahan Guru) adalah seramai 9,338 orang daripada 12,980 orang pengundi berdaftar atau 71.94%. Proses pembuangan undi telah dilaksanakan secara 'e-voting' bermula dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di 14 buah lokasi.

BARISAN KEPEMIMPINAN

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (MPP UTHM) TAHUN 2013/2014

YANG DIPERTUA

TIMBALAN YANG DIPERTUA 1

TIMBALAN YANG DIPERTUA 2

SETIAUSAHA AGUNG

BENDAHARI

SETIAUSAHA KERJA

Sdr. Muhammad Nur Hakim bin Nordin

Sdr. Muhammad Qaim Qays bin Azmi

Sdr. Muhammad Asyraf bin Othman

Sdri. Amira Nabilah binti Mohd Azmi

Sdri. Hanis Nabilah binti Mustaffa Kamal

Sdri. Siti Nur Amin binti Selamat

JABATAN SEKRETARIAT, KELAB DAN PERSATUAN

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdr. Afi Zuhaili bin Khaironi

Sdr. Iqbal Hisyam bin Mohd Nasir

Sdri. Nurzhatul Aziemah binti Abdul Omar

JABATAN KOLEJ KEDIAMAN DAN PENGINAPAN

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdri. Fatin Shaqira binti Abdul Hadi

Sdr. Muhammad Nabil Asyraf bin Ghazali

Sdr. Nor Mohd Syaafi'e bin Md Said

JABATAN KEBAJIKAN DAN PENGADUAN AWAM

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdr. Khairul Fadhillah bin Ahmad

Sdri. Siti Hajar binti Ariff

Sdr. Muhammad Shazni Hilmi bin Alias

JABATAN AKTIVITI, LATIHAN DAN KEPIMPINAN

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdri. Nur Fatin Amira binti Alias

Sdr. Muhammad Hanif bin Abd Rashid

Sdri. Nur Fidia Alzahra binti Zulkifli

JABATAN AKADEMIK DAN KERJAYA

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdr. Jino bin Sulaiman

Sdri. Musfiratunnafi'ah binti Mohd Nizar

Sdr. Shamsuddin bin Nasruddin

JABATAN KORPORAT, HUBUNGAN LUAR DAN ANTARABANGSA

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Sdr. Muhammad Aliff Haikal bin Mohammad Soffi

Sdr. Mohamad Zikri bin Haizan

Sdri. Nur Izni Afiera binti Kamisan

JABATAN INOVASI DAN KEUSAHAWANAN

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Sdri. Siti Jauharah binti Silah Hudian

Sdr. Muhammad Syukri bin Mohd Yazed

JABATAN KEROHANIAN DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Sdr. Muaz Syamil bin Azizan

Sdri. Nor Adnin binti Abu Mansor

JABATAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Sdri. Nurnadia Sabryna binti Zamvery

Sdr. Herman Shah bin Herman

JABATAN INFORMASI, MEDIA DAN PUBLISITI

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Sdr. Mubarak bin Saari

Sdr. Muhammad Zulhelmi bin Zawawi

Forum Mesej Dari Penjara 2013

Forum Mesej Dari Penjara 2013 yang diadakan pada 19 Oktober 2013 merupakan program Jabatan Penjara Malaysia yang telah diperkenalkan sebagai salah program khidmat masyarakat jabatan selain daripada kadet koreksional, serta program ceramah di sekolah-sekolah dan sebagainya lagi. Program ini disertai oleh 715 peserta dan 12 pegawai pengiring dari mahasiswa UTHM, pelajar-pelajar dari tujuh buah sekolah yang terdiri daripada lima buah sekolah menengah daerah Batu Pahat,

Ayer Hitam dan dua buah sekolah kadet dari Simpang Renggam, Johor. Sepanjang forum ini, para peserta telah mengikuti tiga siri ceramah yang berjudul "Remaja Memerangi Jenayah" dan forum bertemakan "Hidup Bahagia Tanpa Jenayah." Upacara perasmian Forum Mesej Dari Penjara 2013 ini telah disempurnakan oleh Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. Beliau dalam ucapan perasmian mengingatkan peserta agar sentiasa menjauhi diri dari anasir-anasir negatif supaya tidak terjebak dalam agenda negatif dan membawa diri ke penjara.

UTHM Naib Johan Debat Perpaduan Antara IPT 2013

Pasukan Debat Bahasa Melayu UTHM terus mempamerkan kecemerlangan dalam arena debat peringkat Institusi Pengajian Tinggi apabila berjaya merangkul gelaran naib juara di dalam Pertandingan Debat Perpaduan Antara IPT 2013 yang diadakan di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah. Pasukan UTHM yang diwakili oleh Amirul Faiz bin Abdul Latif, Awang Mohd Nurjihan bin Awang Ali, Lee Te Chuan dan Mohd Hasrul Effendi bin Muhd Salleh yang bertindak selaku Kerajaan memperdebatkan usul "PRU13 Cerminan Perpaduan Di Malaysia". Selaku naib johan, mereka membawa pulang wang tunai RM 5000.00, piala iringan dan sijil penghargaan. Manakala Pasukan UKM selaku Pembangkang yang diwakili oleh Mohd Daniel Baharuddin, Natalia Sonia Hii, Najah Izzati Sulaiman dan Muhd Fiqri telah dinobatkan sebagai Johan dengan membawa pulang wang tunai RM

7000.00, piala pusingan, piala iringan dan sijil penghargaan.

Pendebat UTHM wakil Malaysia ke UNEP TUNZA South East Asia Youth Environment Network Meeting

Mahasiswa UTHM Muhammad Firdaus bin Zaid dan Muhammad Hakim bin Zainal daripada Sekretariat Debat UTHM telah mewakili Malaysia di '6th UNEP TUNZA South East Asia Youth Environment Network (SEAYEN) Regional Meeting'. Persidangan yang berlangsung dari 22 hingga 28 Mac 2013 di Bali, Indonesia telah dihadiri 32 peserta melibatkan 10 buah negara ASEAN yang terdiri dari wakil-wakil belia setiap negara dan juga wakil dari UNEP dan National Youth Achievement Award Council (NYAA). Muhammad Firdaus bin Zaid turut menerima pelantikan sebagai Penasihat Belia bagi Alam Sekitar Malaysia (National Youth Environment)

MAJLIS MALAM ANUGERAH PELAJAR (MAP 2012)

Majlis Malam Anugerah Pelajar (MAP 2012) telah berlangsung dengan jayanya pada 28 Mei 2013 bertempat di Dewan Tunku Mahkota Ismail (DTMI), UTHM. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Sufri bin Hj. Mohd Zin, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dato' Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Tuan Haji Sulam bin Hamid, Pendaftar dan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti. Sejumlah 14 kategori dipertandingkan dan terdapat 21 pemenang yang diumumkan. Setiap pemenang memperolehi sijil, piala, wang tunai mengikut kategori dan hadiah iringan seperti hamper, printer untuk kelab/persatuan, camera atau telefon bimbit untuk pemenang individu dan tambahan jam tangan dan sumbangan peribadi daripada YBhg. Prof. Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) untuk Anugerah Khas TNCHEPA. Senarai nama penerima mengikut kategori adalah seperti **Jadual 6**:

Jadual 6 : Penerima Anugerah Malam Anugerah Pelajar 2012

BIL.	ANUGERAH	PENERIMA
1.	ANUGERAH MAHASISWA GEMILANG (SISWA)	RINESHWARAN A/L LETCHUMANAN
2.	ANUGERAH MAHASISWA GEMILANG (SISWI)	PAZLINA BINTI MOHD RABA'I
3.	ANUGERAH KEPIMPINAN TERBAIK	MUHAMMAD FIRDAUS BIN ZAID
4.	ANUGERAH SENI BUDAYA	NAFHATUN AMIRAH BINTI MOHAMED AZRI
5.	ANUGERAH KOLEJ KEDIAMAN TERBAIK	KOLEJ KEDIAMAN TUN DR. ISMAIL
6.	ANUGERAH PASUKAN KEBUDAYAAN TERBAIK	LANTERA TARI
7.	ANUGERAH KELAB/PERSATUAN TERBAIK	SEKRETARIAT DEBAT BAHASA MELAYU
8.	ANUGERAH PROGRAM TERBAIK REKREASI	TELEMATCH@TDI – KOLEJ (KEDIAMAN TUN DR. ISMAIL)
9.	ANUGERAH PROGRAM TERBAIK AKADEMIK	PERSIDANGAN KEBANGSAAN KAUNSELING DAN KERJAYA (KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA)
10.	ANUGERAH PROGRAM TERBAIK KHIDMAT MASYARAKAT/SOSIAL/KEBAJIKAN	PROGRAM SELANGKAH KE MENARA GADING DUN PANTI 2012 (KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA)
11.	ANUGERAH PROGRAM TERBAIK KEBUDAYAAN & KESENIAN	PENGGISAHAN KENEGARAAN (WARISAN)
12.	ANUGERAH PROGRAM TERBAIK LATIHAN & KEPIMPINAN	TRAINING OF TRAINERS PRA-DIPLOMA (KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA)
13.	ANUGERAH KHAS HEPA	SRI KANDI ANGKLUNG AMAN KAMPUS

		NUR SYAZMIZA SHAFIE MUHAMMAD FAIZAL BIN MUHAMAD RAMLI NAZRUL AZHAR SANUASI AZLAN BIN AHMAD KEDIAMAN TUN FATIMAH RAVENTHERAN A/L GANASAN
14.	ANUGERAH KHAS TNC (HEPA)	ALFIAN ROBERT

Majlis Makan Tiong Hwa 2013

Biro Kebudayaan Tiong Hua, Sekretariat Perpaduan UTHM telah menganjurkan Malam Kebudayaan Tiong Hua 2013 pada 27 April 2013 lalu bertujuan memperkenalkan kebudayaan Cina kepada warga universiti yang berbilang kaum ini. Penganjuran program ini merupakan satu usaha untuk memelihara dan memperkembangkan keunikan budaya Tiong Hua sekali gus untuk mewariskan budaya ini kepada generasi kini. Di samping itu, program ini juga adalah untuk memberi peluang kepada warga universiti untuk mempelajari budaya cina dengan lebih mendalam. Majlis yang bertemakan "Kekalkanlah Warisan Budaya Bersama-sama" ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong di Dewan Tunku Mahkota Ismail.

Seperang Bersama Menteri Mentor UTHM

Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, selaku Menteri Mentor UTHM telah sudi meluangkan masa untuk bersantai bersama-sama pelajar UTHM. Beliau telah meluangkan masa kira-kira dua jam bersama kira-kira 500 orang pelajar yang juga merupakan follower dan rakan 'Tweet'. Beliau juga berkesempatan bermain futsal bersama pelajar. Turut hadir

bersama beliau ialah isterinya Yang Mulia Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah.

UTHM Tuan Rumah Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT 2013

UTHM menjadi tuan rumah Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT 2013 yang berlangsung dari 8 hingga 11 Mac 2013. Pertandingan ini merupakan pertandingan debat antara seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia anjuran bersama UTHM,



Institut Integriti Malaysia dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM). Semua pertandingan dijalankan serentak di beberapa lokasi di dalam kampus utama UTHM dan beberapa sekolah menengah sekitar Parit Raja dan Batu Pahat. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah diadakan pada 11 Mac 2013 dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi.

Forum Siswa4peace Seru Remaja Perangi Jenayah

UTHM dengan kerjasama Yayasan Pengaman Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri telah menganjurkan Forum Siswa4peace. Forum yang mengupas tajuk, "Remaja Perangi Jenayah," telah berlangsung di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM. Ahli panel forum terdiri daripada Tan Sri Samsuri bin Arshad, Pengerusi Yayasan Pengaman Malaysia, Pesuruhjaya Polis, Dato' Wira Ayub bin Hj Yaakob, Pengerusi Urusetia NKRA Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur dan Profesor Dr Hj Azimi bin Hamzah, Timbalan Pengarah, Institusi Pengajian Belia, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Profesor Madya Dr Ahmad bin Esa, Timbalan Dekan, Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar, UTHM telah bertindak sebagai moderator dalam forum tersebut. Seramai lebih 1000 orang mahasiswa telah menghadiri forum tersebut. Mereka merupakan ahli-ahli Unit Beruniform di UTHM iaitu SUKSYS, RELASIS, PALAPES, dan SISPA. Turut hadir, Prof Madya Dr Asri bin Selamat, Dekan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar, Timbalan-Timbalan dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) fakulti, pegawai-pegawai kanan universiti dan pemimpin-pemimpin dan jurulatih unit-unit beruniform serta pegawai-pegawai dari Yayasan Pengaman Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Kejuaraan Silat Seni Asli Peringkat Kebangsaan 2013

Kejohanan kali kedua penganjuran selepas pada tahun lalu telah diadakan pada 30-31 Mac 2013 dan telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada para peserta. Penyertaan kejohanan dibuka kepada seluruh negara berbanding kejohanan tahun lalu yang hanya



di peringkat negeri Johor sahaja. Kejohanan mendapat sambutan yang amat baik daripada peserta dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan merupakan salah satu aktiviti di bawah Pusat Sukan Tumpuan Pencak Silat IPT.

Malam Anugerah Sukan UTHM 2012

Malam Anugerah Sukan UTHM 2012 yang diadakan pada 12 April 2013 ini memasuki edisi kedua penganjurannya. Ianya bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan meraikan para atlet yang telah banyak memberikan sunbangan dan pengorbanan dalam mengharumkan nama universiti di pelbagai peringkat pertandingan. Malam Anugerah Sukan 2012 menobatkan Mohd Zulfadli bin Rozali sebagai Olahragawan UTHM manakala Saudari Nurul Shafirah binti Abu Samah sebagai Olahragawati UTHM 2012. Dalam acara yang berlangsung dengan penuh warna-warni dengan tema "Malam Bersama Bintang" itu, turut dianugerahkan beberapa pemenang berdasarkan 11 kategori yang dipertandingkan. Bagi 2 kategori yang lain iaitu Anugerah Khas HEP dan Anugerah Khas TNC (HEPA) pemenang dipilih oleh Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Wakil Naib Canselor bagi menjalankan tugas Hal Ehwal Pelajar, Prof Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim. Keputusan penuh Anugerah Sukan 2012:

ANUGERAH OLAHRAGAWAN :
MOHD ZULFADLI BIN ROZALI

ANUGERAH OLAHRAGAWATI:
NURUL SHAFIRAH BT. ABU SAMAH

ANUGERAH BINTANG HARAPAN LELAKI :
**SYED MUHAMMAD ISKANDAR PUTRA B.
SYED ABDUL FATTAH SALLAHUDIN**

ANUGERAH BINTANG HARAPAN WANITA :
NURUL HAMIRA YUSMA BT. MOHD YUSRI

ANUGERAH PASUKAN LELAKI TERBAIK :
MENDAYUNG

ANUGERAH PASUKAN WANITA TERBAIK :
MENDAYUNG

ANUGERAH PENGURUS PASUKAN LELAKI
TERBAIK :
MUHAMMAD ZAKKIR B. ANGSOOMUDIN
ANUGERAH PENGURUS WANITA TERBAIK :
NURUL FALIHIN BT. ROSZAMAN

ANUGERAH JURULATIH PASUKAN LELAKI
TERBAIK :
AZLEI B. ABDUL JALIL

ANUGERAH JURULATIH PASUKAN WANITA
TERBAIK :
OSMAN B. ABD RAHMAN

ANUGERAH PROGRAM TERBAIK :
RAGBI COMBAT 10

ANUGERAH KHAS PUSAT SUKAN :
**MOHD SHAHRIN B. AMIRNORDIN (BOLA
KERANJANG)
SAIFUL RIZAL BIN MASRUL (RAGBI)**

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-4 2013

Pasukan silat institut pengajian tinggi (IPT) yang mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa menduduki tempat pertama apabila berjaya meraih 14 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa semasa menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri edisi Ke-3, 2012 yang berlangsung pada 17 hingga 22 September lalu bertempat di pusat membeli belah Square One, Batu Pahat. Kejohanan ini juga menyaksikan negara Singapura berada di tempat kedua setelah berjaya meraih 5 pingat emas, 9 pingat perak dan 3 pingat gangsa dan negara Vietnam di tempat ketiga dengan meraih 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Lebih membanggakan lagi apabila kedua-dua atlit dari Malaysia iaitu Muhammad Faizul M. Nasir dan Siti Zubaidah Che Omar telah dinobatkan sebagai Pesilat Terbaik Putera/Puteri peringkat antarabangsa. Bagi acara silat olahraga dan silat seni peringkat IPT pula, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dinobatkan sebagai johan setelah berjaya meraih 8 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa diikuti dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebagai naib johan dengan meraih 4 pingat emas, 2 pingat perak dan 4 pingat gangsa. Manakala Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pula di tempat ketiga dengan meraih 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Sementara itu Muhammad Munawwar Shamsuddin pelajar dari UiTM dan Zaiton A/P A Koang pelajar dari UPSI pula dinobatkan sebagai Pesilat Terbaik Putera/Puteri peringkat IPT Malaysia. Majlis penyampaian hadiah dan penutup yang berlangsung pada 22 September lalu disempurnakan oleh Ketua Pengarah



Jabatan Pengajian Tinggi, Dato' Profesor Dr. Rujhan Mustafa. Hadir sama Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin dan beberapa pegawai kanan universiti. Sebanyak 43 institut pengajian tinggi (IPT) yang merangkumi 16 universiti awam, lapan politeknik, empat kolej komuniti dan lima IPT swasta telah menyertai kejohanan tersebut. Manakala selebihnya disertai oleh sepuluh IPT luar negara iaitu dari United Kingdom, Yaman, Belanda, Belgium, Brunei, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand dan Vietnam. Selain itu terdapat juga penyertaan daripada peserta antarabangsa dari Brunei, Indonesia, Somalia dan Yaman yang berada di Malaysia. Kejohanan Pencak Silat kali ini melibatkan seramai 600 orang pesilat iaitu 520 peserta datang daripada IPT tempatan manakala 80 lagi dari IPT luar negara.

Kejohanan Tenpin Boling Jemputan Piala Naib Canselor UTHM Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7 2013

Program tahunan Pusat Sukan ini memasuki edisi ke-7 penganjuran menjadikan Ampang Superbowl The Summit USJ Subang Jaya sebagai vanue kejohanan pada kali ini. Ia telah diadakan pada 22 – 24 November 2013. Penyertaan terbuka kepada semua IPT dan jabatan-jabatan kerajaan yang berminat dengan penyertaan terhad kepada 26 pasukan sahaja.

17th UTHM Student Games 2013

Kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dan diadakan setiap tahun ini turut disertai oleh 4000 orang pelajar yang mengambil bahagian dalam 20 jenis sukan yang dipertandingkan melibatkan kategori lelaki dan wanita. Kejohanan ini juga turut melibatkan ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pasukan-pasukan sukan UTHM, ahli jawatankuasa sukan kolej kediaman dan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti. Objektif kejohanan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru untuk menjadi pelapis dan mewakili universiti dalam kejohanan tertentu pada masa akan datang.

USG adalah satu platform yang terbaik untuk para pelajar menunjukkan bakat yang ada untuk diserap dalam skuad Elit Pasukan Universiti, sesuai dengan nama kejohanan yang baru memasuki tahun kedua penggunaannya, UTHM Student Games (USG) yang dahulunya dikenali dengan nama Karnival Sukan Pelajar, ianya adalah untuk melahirkan semangat yang baru dan menginginkan sesuatu yang lebih segar dalam penganjurannya pada tahun ini.

PALAPES UTHM

PALAPES UTHM diterajui oleh Kol (K) Prof Dato' Dr Mohd Noh bin Dalimin selaku Naib Canselor UTHM merangkap Komandan PALAPES UTHM. Beliau dibantu oleh Lt Kol (K) Prof. Dr Hashim bin Saim selaku Timbalan Komandan, Mej Lokman Hakim bin Rahmat selaku Ketua Jurulatih dan Mej PM Dr Mohamad Hisyam bin Mohd Hashim selaku Ketua Cawangan Latih. PALAPES UTHM mempunyai keanggotaan seramai empat orang Pegawai Tentera, lapan orang Pegawai Sukarela, 34 orang Pegawai Muda, 27 orang Staf dan Jurulatih Tentera, serta tiga peringkat Pegawai Kadet yang berkekuatan seramai 285 orang Pegawai Kadet. Untuk tahun 2013, pihak PALAPES UTHM telah melahirkan 87 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada Istiadat Pentauliahan DiRaja PALAPES IPTA ke-32 pada 6 Julai 2013 yang lalu di mana UMS buat julung-julung kalinya telah menjadi tuan rumah. Bagi tujuan pengambilan Pegawai Kadet baru Peringkat Satu (Junior) pula, pada tahun ini seramai 133 orang Pegawai Kadet telah lulus dalam sesi Pemilihan dan Temuduga.

Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan Kos Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA)

UTHM telah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Majlis Pentauliahan & Perhimpunan Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Kali Ke-4 Tahun 2013 yang berlangsung pada 23 hingga 27 Ogos 2013 bertempat di kampus utama UTHM, Parit Raja. Program ini merupakan acara tahunan dan diadakan secara bergilir di kalangan

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kali ini UTHM berbesar hati untuk memikul tanggungjawab yang diberikan. Kemuncak Majlis Pentauliahahan & Perhimpunan Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Kali Ke-4 Tahun 2013 telah berlangsung dengan jayanya pada 27 Ogos 2013 bertempat di Padang Kawad, UTHM. Majlis perbarisan serta penyampaian watakah tauliah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Yang Amat Setia Pesuruhjaya Pertahanan Awam Dato' Sulaiman bin Keling, Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Profesor Dato' Dr.

Mohd. Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM, Naib Canselor serta komandan-komandan dari IPT yang lain.

SENARAI AKTIVITI ALUMNI 2013

Pada tahun 2013 pejabat CARE telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang ada hubungan dengan alumni dan peningkatan kerjaya alumni. Sebahagian aktiviti adalah hasil kerjasama daripada Fakulti-Fakulti, Persatuan Alumni UTHM (UTHMa) dan Sekretariat Alumni UTHM (UTHMas). Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti **Jadual 7** :

Jadual 7 : Aktiviti ALUMNI 2013

BIL	AKTIVITI	TARIKH	BIL PESERTA
1	Program Latihan Pra Graduan 2013	29 Januari – 11 Mac 2013	30
2	Santai Alumni@KPT (Perbincangan bersama Komuniti Alumni Cawangan Putrajaya)	15 Januari 2013	20
3	Kursus Pengukuhan Pasukan dan Pengurusan Organisasi	18 – 21 Januari 2013	80
4	Program Latihan Pra Graduan FFTP 2013 : Pentauliahahan Sijil Profesional	21 Januari – 5 Februari 2013	30
5	Program Latihan Pra Graduan FKAAS 2013 : Pentauliahahan Sijil Profesional	25 Januari – 8 Februari 2013	30
6	Program Pra Alumni Diploma (Jabatan Kejuruteraan Elektrik)	4 Februari 2013	100
7	Program Pra Alumni Diploma (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)	5 Februari 2013	100

8	Program Pra Alumni Diploma (Jabatan Kejuruteraan Awam)	6 Februari 2013	100
9	Program Pra Alumni Diploma (Jabatan Teknologi Maklumat)	4 Februari 2013	100
10	Luncheon Talk – Alumni Usahawan	16 Februari 2013	25
11	Ziarah Cakna Pahang	9 Mac 2013	25
12	Hari Kerjaya Latihan Pra Graduan UTHM (GCAP)	13 Mac 2013	30
13	Jalinan Muhibbah Alumni UTHM@Sabah	22 - 23 Mac 2013	100
14	Kursus Penulisan Artikel dan Metodologi Penyelidikan	5 Julai 2013	40
15	Majlis Makan Malam : Jalinan Muhibbah Alumni UTHM@Pulau Pinang	5 Julai 2013	50
16	Persidangan Penyelidikan dan Inovasi (PePIN) 2013	5 - 6 Julai 2013	300
17	Bengkel “ Route To Be A Profesional Engineer “	7 Julai 2013	50
18	Program Peningkatan Kebolehkerjaan Graduan Fkaas	19 – 21 Ogos 2013	50
19	Program Explorasi Antarabangsa United Kingdom Alumni 2013	19 – 25 Ogos 2013	15
20	Malam Young Generation Engineers (Y - GEN)	18 September 2013	100
21	Program Inspirasi Alumni	23 September – 10 Oktober 2013	1800
22	Slot Ikon Muda Alumni sempena MHS 2013/2014	06 September 2013	2300
23	Forum Bual Bicara Bersama Alumni (Bidang Kejuruteraan)	04 September 2013	1700
24	Forum Bual Bicara Bersama Alumni (Bidang Bukan Kejuruteraan)	07 September 2014	600
25	Workshop For Research Article Development	01 November 2013	30
26	Mesyuarat Bersama Wakil – Wakil Negeri Alumni UTHM	09 November 2013	20
27	Program Homecoming Alumni UTHM kali Ke 2	6 – 8 Disember 2013	300
28	Majlis Hi Tea bersama alumni	7 Disember 2013	300
29	Program Pra Alumni	19 - 30 Disember 2013	1500

SESI BERSAMA IKON MUDA ALUMNI

Sesi Bersama Ikon Muda Alumni sempena MHS 2013/2014, pihak CARE telah menjemput En. Anuar A Rahman merupakan alumni fakulti FKAAS 2006 untuk Sarjana Muda dan 2008 untuk Master. Beliau merupakan Pengasas dan Pengarah Urusan Gold Silver Resources Sdn Bhd (GSR) yang mengeluarkan pelbagai produk berasaskan emas dan perak fizikal. Beliau telah menerima Anugerah Usahawan Muda Kebangsaan Peringkat IPTA 2006 dan Usahawan Muda Kecemerlangan Peringkat UTHM. Dalam sesi ini beliau telah berkongsi

pengalaman kepada semua siswa/siswi berkaitan sepanjang pengajian beliau di UTHM dan bagaimana beliau mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan walaupun kursus yang diambil adalah kejuruteraan awam. Sambutan dan penerimaan para mahasiswa semasa sesi beliau ini amat positif dan memberi impak kepada pelajar walaupun belajar dalam bidang kejuruteraan tetapi beliau telah berjaya dalam bidang perniagaan yang tidak berkaitan dengan bidang pengajiannya. Beliau telah memberi saguhati berbentuk loket emas dan silver kepada para pelajar yang bernasib baik dalam sesi soal jawab.



Sempena Minggu Haluan Siswa 2013 pihak CARE telah menganjurkan Sesi Forum Bual Bicara Bersama Alumni dengan menjemput 5 orang alumni UTHM yang telah berjaya mengikut bidang Kejuruteraan dan Bukan Kejuruteraan. Slot berbentuk forum bual bicara yang memfokuskan kepada konsep perkongsian pengalaman semasa sebagai pelajar dan pengalaman selepas menjadi alumni serta perkongsian pengalaman dan pandangan.

LUNCHEON TALK KUMPULKAN USAHAWAN ALUMNI



Dalam usaha meluaskan rangkaian dan merapatkan lagi hubungan antara universiti dan graduan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE) telah menganjurkan majlis 'Luncheon Talk bersama Usahawan Alumni UTHM' pada 16 Februari 2013 bertempat di The Summit Hotel Subang USJ, Petaling Jaya. Majlis berkonsepkan makan tengahari ini telah menemu dan mengumpulkan seramai 25 orang usahawan alumni yang datang dari empat generasi iaitu graduan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan UTHM. Majlis telah disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim juga selaku perucaptama program. Turut hadir Timbalan serta Ketua Jabatan HEPA fakulti dan pemegang jawatan organisasi Alumni. majlis 'Luncheon

Talk' ini juga turut mengumpulkan para pelajar yang berminat dengan bidang keusahawanan dan turut bercita-cita menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pilihan mereka setelah tamat belajar nanti. Perkongsiaan ilmu daripada Alumni yang telah bergelar usahawan dapat membantu mereka mendalami bidang ini seterusnya menarik minat mereka untuk terus mencuba. Untuk rekod, statistik sebelum ini menunjukkan hampir 20 peratus graduan UTHM menceburi bidang keusahawanan. Atas dasar inilah pejabat CARE, UTHM mengadakan usaha untuk menjejaki para graduan tersebut bagi mengetahui profil dan faktor-faktor yang mendorong mereka menceburi bidang ini melalui perkongsian pengalaman masing-masing di bawah Kajian Profil dan Faktor Penglibatan Alumni (Graduan) Universiti dalam Keusahawanan yang diketuai oleh Pensyarah UTHM, Dr. Haryati Shafii bersama para penyelidik Alumni Research Team (ART) UTHM.



ALUMNI UTHM TAWAN PUNCAK GUNUNG LEDANG

Seramai 80 orang ahli Seketariat Alumni Mahasiswa UTHM (UTHMas), UTHM yang mengikuti Kursus Pengukuhan Pasukan dan Pengurusan Organisasi 2013 (KPO) di Taman Hutan Lagenda, Taman Negara Gunung Ledang, Johor pada 19 hingga 21 Januari lalu telah berjaya menawan puncak Gunung Ledang pada 20 Januari lalu. Aktiviti menawan puncak Gunung Ledang yang merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dirangka

dalam KPO ini antara objektif ekspedisi ini ialah untuk membentuk semangat kerjasama berkumpul di samping untuk menguatkan lagi tali persaudaraan sesama ahli. Kejayaan para peserta ekspedisi diraikan dalam satu majlis penutup yang telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE) UTHM, Dr. Mohammad Fahmi Abdul Ghafir. Beberapa anugerah seperti Anugerah Peserta Lelaki dan Wanita Terbaik serta Kumpulan Terbaik turut disampaikan kepada peserta yang bertuah pada majlis tersebut.



HOMECOMING ALUMNI KALI KEDUA

Program ini diadakan bertujuan untuk mengumpulkan semula semua alumni UTHM yang tinggal di serata negeri. Pelbagai aktiviti telah diaturkan bagi memeriahkan majlis kali ini. Diantaranya adalah program sukan alumni dimana sukan ini akan diwakili pasukan alumni setiap negeri. Terdapat empat jenis sukan yang akan dipertandingkan iaitu bola tampar, Futsal, Bola Jaring, Badminton. Di samping itu, program ini dapat menjalinkan kerjasama dengan karangkraf. Karangkraf telah merancang pelbagai aktiviti menarik yang mampu menarik pengunjung ke program ini. Beberapa artis tempatan turut serta bagi memeriahkan majlis. Program ini telah berjaya menarik kehadiran 300 alumni PLSP/KUiTTHO/ITTHO/UTHM dan 5000 pengunjung masyarakat setempat yang dihidangkan dengan pelbagai aktiviti antaranya seperti berikut

- "Google Adword (Potensi dan Peluang Jana Pendapatan)"- Bersama Majalah PC
- Majlis Pelancaran "Karnival UTHM dan Karangkraf"
- Forum Bicara Cinta Anak Muda, bersama Majalah i
- Seminar Kecergasan
- Kidz Zone (Mewarna)
- Karnival Sukan Alumni 2013
- Berbasikal
- Aerodance dan tips penjagaan kesihatan bersama majalah Rapi
- Bengkel ILHAM – Grup Buku Karangkraf & Sinar Harian : Panel Pn. Sri Diah – Pengurus Besar Editorial Be Yourself bersama majalah Remaja
- "Chef Turun Padang" : Demo memasak bersama Chef Shariah Abdullah (Master Chef Malaysia)
- Novelis Turun padang
- Program Save Your Dara dan Daralista Bersama Majalah Dara
- Sesi Bersama Upin – Ipin
- Hi-Tea Bersama Alumni
- Mini Show Case bersama Majalah Remaja Tentatif Artis
- Nomad
- I`m Neeta
- Senamrobik

- Pelepasan Peserta Fun Run
- Aerodance rapi
- Career Coaching
- Pertandingan Catur Bistari
- Pertandingan Remaja Got Talent
- Bengkel Grooming Maskulin : Healthy Lifestyle
- Bengkel Anggun Bergaya Bersama Mingguan Wanita

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) sebagai wakil UTHM dan pihak Karang kraf diwakili oleh

En. Hashim bin Anang , Pegawai Tugas-Tugas Khas dan Protokol kepada CEO Kumpulan Media Krangkraf. Jumlah yang hadir dalam majlis pelancaran seramai 500 orang pelajar UTHM termasuk alumni UTHM dan juga pengunjung luar. Dalam pelancaran tersebut pihak karangkraf telah menyumbangkan buku kepada Perpustakaan Tunku Aminah UTHM, Pusat Sumber Hospital Nora Ismail Batu Pahat, Pusat kebajikan Anak-Anak Yatim Batu Pahat, Sekolah Kebangsaan Sri Paya, Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina) Kong Nam Pt Raja, Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) Sri Gading.



EKSPLORASI ANTARABANGSA ALUMNI UTHM KE UNITED KINGDOM

Pada tahun 2013 Pejabat CARE telah menganjurkan Program Eksplorasi Antarabangsa Alumni UTHM ke United Kingdom seramai 20 orang delegasi terdiri daripada 18 Alumni UTHM dan dua staf CARE pada 19 hingga 25 Ogos bagi menyelami corak pengurusan Alumni di dua buah institut pengajian terkemuka di sana. Pelaksanaan program lawatan yang diketuai oleh Pengarah CARE, Dr. Mohammad Fahmi Abdul Ghafir

ini adalah sebagai penghargaan kepada badan kepimpinan yang banyak membantu menggerakkan fungsi dan peranan CARE UTHM dalam menjalankan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun. Untuk rekod, CARE UTHM sebelum ini telah banyak melaksanakan aktiviti yang melibatkan pelbagai kumpulan sasaran. Di samping itu, CARE juga terus gigih melakukan penambahbaikan dalam usaha menjadikan pusatnya sebagai 'benchmarking' kepada institut pengajian tinggi lain berkaitan pengurusan dan pembangunan Alumni. Antara aktiviti rasmi yang telah dijalankan

ialah lawatan ke 'Imperial College Alumni Office' dan 'Cranfield University', London. Lawatan kerja ini bertujuan untuk bertukar idea dan pandangan mengenai pengurusan dan pembangunan Alumni di institut masing-masing. Dalam pertemuan tersebut, pelbagai idea dan pandangan mengenai pengurusan pengkalan data, penerbitan, penjana sumber dana dan kutipan telah dikongsi dan dibincangkan secara bersama. Perkongsian ini


telah memberi inspirasi kepada delegasi terlibat untuk terus menjadikan CARE sebagai sebuah pusat hubungan Alumni yang produktif dan efisien sekaligus menjadikan UTHM sebagai universiti contoh di mata dunia. Selain itu, pelaksanaan program seperti ini juga adalah untuk mengeratkan lagi hubungan antara Alumni UTHM, sama ada yang masih bergelar mahasiswa mahupun yang telah memasuki alam pekerjaan.



PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (PEPIN) 2013

Persidangan Penyelidikan dan Inovasi (PEPIN) 2013 yang bertemakan 'Penyelidikan dan Inovasi Melestarikan Pengajian Tinggi Negara' telah berjaya menarik minat para penyelidik untuk berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan masing-masing melalui pembentangan kertas kerja yang diadakan di Politeknik Seberang Prai (PSP) pada 5 hingga 7 Julai 2013. Persidangan anjuran Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni (CARE), UTHM dengan kerjasama Politeknik Seberang Prai dan Persatuan Alumni UTHM (UTHMa) serta Jabatan Pengajian Politeknik.

Sebanyak 72 kertas kerja telah dibentangkan menerusi persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini. Kertas kerja tersebut merangkumi empat kategori iaitu Kejuruteraan dan Teknologi, Sains Sosial dan Pendidikan serta Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. PEPIN 2013 ini adalah untuk membuka peluang kepada Alumni UTHM, khususnya tenaga akademik yang berkhidmat di Politeknik dan Kolej Komuniti untuk mengetengahkan hasil penyelidikan masing-masing. Di samping itu, persidangan ini juga turut disertai oleh para pelajar dan juga kakitangan akademik daripada universiti seluruh Malaysia.





PENYELIDIKAN DAN INOVASI
| LAPORAN TAHUNAN 2013

Pusat-Pusat Kecemerlangan

Terdapat empat (4) buah Pusat Kecemerlangan UTHM yang telah dinaiktaraf dan telah distrukturkan untuk diletakkan di bawah Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan iaitu :

BIL	NAMA PUSAT	NAMA KETUA
1.	Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCentre)	Prof. Dr. Mohd Zazar bin Mohd Jenu
2.	Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju	Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Ibrahim
3.	Mikroelektronik dan Nano-Teknologi Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC)	Prof. Madya Dr. Nafarizal bin Nayan
4.	Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)	Prof. Dato' Dr. Hj. Ismail bin Hj. Bakar

Pusat-Pusat Penyelidikan

Sehingga 31 Disember 2013, UTHM telah mempunyai 13 buah Pusat Penyelidikan seperti berikut :

Bil	Nama Pusat	Tahun Penubuhan	Fakulti
1.	Pusat Latihan Teknologi Tekstil (ADTEC)	2002	FKMP
2.	Pusat Kecemerlangan Pengurusan Fasiliti (CEFM)	2003	FPTPK
3.	Pusat Kecemerlangan Wireless dan Sains Radio (WARAS)	2004	FKEE
4.	Pusat Pendidikan Teknik dan Vokasional Termaju (ACTiVE)	2004	FPTV
5.	Pusat Perisian dan Multimedia (SMC)	2006	FSKTM
6.	Pusat Kajian Tenaga dan Persekitaran Industri (CEIS)	2009	FKMP
7.	Pusat Penyelidikan Aplikasi Matematik Berkomputer (CERCOM)	2010	FSTPi
8.	Pusat Penyelidikan Pembangunan dan Pembangunan Kelestarian Insan	2010	FSTPi
9.	Jamilus Research Centre (JRC)	2013	FKAAS
10.	Smart Driving Research Centre (SDRC)	2013	FKAAS
11.	Micro-Pollution Research Centre (MPRC)	2013	FKAAS
12.	Pusat Pemuliharaan & Mapan Sumber-Sumber Semulajadi	2013	FSTPi
13.	Institut Penyelidikan Ahli Sunnah Wal Jamaah	2013	Pejabat Naib Canselor

Kumpulan Fokus Penyelidikan

BIL	NAMA KUMPULAN FOKUS	FAKULTI
1.	<i>Advance Machining and Fabrication Technology (AMFT)</i>	FKMP
2.	<i>Industrial System Engineering (ISE)</i>	FKMP
3.	<i>Engineering Design Research Group (EDRG)</i>	FKMP
4.	<i>Engineering Materials Alliance (ENIGMA)</i>	FKMP
5.	<i>Advance Dynamics Control and Automation Research Group (ADCARe)</i>	FKMP
6.	<i>Structural Integrity and Monitoring Research Group (SIMRG)</i>	FKMP
7.	<i>Energy Technologies (EnRG)</i>	FKMP
8.	<i>Automotive Powertrain (ARG)</i>	FKMP
9	<i>Industrial Environment Engineering (IERG)</i>	FKMP
10	<i>Aeronautics Technology and Aviation Management (ATAM)</i>	FKMP
11	<i>Fibre-based Composite Textile (FCT)</i>	FKEE
12	<i>Electric Vehicles</i>	FKEE
13	<i>Power & Energy</i>	FKEE

Pencapaian dan Anugerah Yang Diterima oleh Pusat-Pusat Penyelidikan UTHM

Bil	Nama Pusat	Nama Anugerah
1.	Pusat Keserasian Elektromagnet (EMCentre)	Recognition by iNarte as Qualified EMC Engineer
		Listing of EMC Semi Anechoic Chamber by FCC USA
		Invited Speaker: (MRT Corporation) EMC Requirements for Electrical and Electronic Products
		Invited Speaker: (BOMBA Malaysia) Fire Investigation Ignited via Electrical Source

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan

Pada tahun 2013, keseluruhan geran penyelidikan yang diterima oleh UTHM adalah berjumlah RM 17,725,152.16 dan jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2012 iaitu RM 11,740,227.98. **Jadual 8** merupakan Jumlah Geran Penyelidikan Yang Diterima Oleh UTHM pada tahun 2013.

Jadual 8 : Jumlah Geran Penyelidikan Yang Diterima Oleh UTHM Pada Tahun 2013

Bil	Kategori Pembiaya	Jumlah Dana (RM)	Jumlah Projek
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	10,652,052.46	121
2.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	476,060.00	2
3.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	5,920,830.00	233
4.	Agensi Kerajaan dan Swasta	525,300.00	4
5.	Dana Antarabangsa	150,909.70	2
JUMLAH		17,725,152.16	362

Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor berikut :

- i) Peningkatan jumlah dana Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang diperolehi iaitu RM 10,652,052.46 berbanding RM 7,073,220 pada tahun 2012.
- ii) Kejayaan memperolehi dana Geran FRGS Penyelidikan Terbaik berjumlah RM 70,000 dan Geran Sanjungan Penyelidikan berjumlah RM 19,921.96
- iii) Peningkatan dana Agensi Kerajaan dan Swasta yang diterima iaitu RM 525,300 berbanding RM 10,400 pada tahun 2012
- iv) Kejayaan memperolehi dana penyelidikan Antarabangsa berjumlah RM 150,909.70 berbanding RM 7,607.98 pada tahun 2012

Kerjasama Penyelidikan

Bagi menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan, UTHM turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam dan luar Negara seperti berikut;

a) Kerjasama Dalam Negara

Bil	Nama Agensi	Nama Penyelidik	Jenis Geran
1.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Prof. Madya Dr. Mohammad Faiz Liew b. Abdullah	ScienceFund
2.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Prof. Madya Engr. Dr. Abdul Mutalib Leman	PERKESO
3.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Prof. Madya Dr. Mohd Irwan Juki	ScienceFund
4.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Dr. Shahreen bt. Kassim	ERGS
		Dr. Khairunesa bt Esa	Geran Kontrak
5.	Institut Intergriti Malaysia (IIM)	Dr. Khairunesa bt Esa	Geran Kontrak
6.	Dewan Bahasa dan Pustaka (Caw. Sarawak)	Dr. Khairunesa bt Esa	Dewan Bahasa dan Pustaka

b) Kerjasama Luar Negara

Bil	Nama Agensi	Nama Penyelidik
1.	German Development Cooperation (GIZ)	Prof. Dr. Maizam bt Alias
		Prof. Dr. Jailani b. Md. Yunos
2.	Syarikat Wurth Electronic (Singapore) Ptd Ltd.	Prof. Dr. Mohd Zarar bin Mohd Jenu

Aktiviti Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan

Pada tahun 2013, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) terus giat melaksanakan pelbagai aktiviti inovasi, pengkomersilan dan perundingan yang dapat menjana pendapatan kepada universiti dan penyelidik. Pelbagai pengiktirafan juga telah berjaya diperolehi dan membantu meningkatkan nama universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara aktiviti dan pencapaian yang Berjaya diperolehi adalah seperti berikut :

Perlindungan Harta Intelek UTHM

Sehingga 31 Disember 2013, UTHM memiliki sejumlah 102 harta intelek yang telah berjaya dilindungi. Jumlah keseluruhan harta intelek yang dimiliki ini boleh dikategorikan seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Paten (Granted)	16
2.	Paten (Pending) -Kebangsaan (70) - Antarabangsa (1)	71
3.	Hakcipta (Copyright)	13
4.	Cap Dagangan (Trademark)	2
JUMLAH		102

Jumlah keseluruhan harta intelek yang berjaya dilindungi oleh UTHM pada tahun 2013 adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Paten (Granted)	7
2.	Paten (Pending) -Kebangsaan (22) - Antarabangsa (1)	23
3.	Hakcipta (Copyright)	12
4.	Cap Dagangan (Trademark)	2
JUMLAH		44

Pengiktirafan Hasil Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2013, UTHM berjaya memperolehi 73 pingat dalam pelbagai pertandingan penyelidikan dan antarabangsa dalam dan luar Negara. Pencapaian penyelidik UTHM adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9 : Pencapaian Penyelidikan UTHM 2013

Bil	Nama Pameran	Pingat			Anugerah Khas
		Emas	Perak	Gangsa	
1	MTE 2013	-	3	7	-
2	ITEX 2013	16	8	1	-
3	PECIPTA 2013	3	7	9	1
4	Bio MALAYSIA 2013	1	0	2	1
5	SIIF 2013	2	6	5	1
JUMLAH KESELURUHAN		22	24	24	3

Berikut adalah maklumat terperinci berkaitan Anugerah Khas yang diterima :

Bil	Penyelidik	Anugerah	Nama Pameran / Penganjur
1	Dr. Soon Chin Fhong	Women Bioinnovator of the year 2013	Bio Malaysia 2013
2	Prof. Madya Dr. Anika Mohd Rus	Korean Invention News 2013	PECIPTA 2013
3	Prof. Madya Dr. Muhammad Yusof bin Ismail	Special Price Award SIIF 2013	SIIF 2013
4.	Prof. Madya Dr. Anika Mohd Rus	Anugerah Malam Citra	Kementerian Pengajian Tinggi
5.	Prof Dr. Lee Yee Loon	Anugerah Malam Citra	Kementerian Pengajian Tinggi
6.	Prof. Madya Dr. Mohd Saidin bin Wahab	Anugerah Malam Citra	Kementerian Pengajian Tinggi

Pengkomersilan Hasil Penyelidikan dan Inovasi

Hasil Penyelidikan penyelidik UTHM turut berjaya menarik perhatian beberapa agensi di dalam Negara. **Jadual 10** menunjukkan beberapa hasil penyelidikan yang berjaya dikomersilkan.

Jadual 10 : Hasil Penyelidikan Yang Berjaya Dikomersilkan

Bil	NAMA PENYELIDIK	NAMA PRODUK	NO. PENDAFTARAN HARTA INTELEK	NAMA SYARIKAT	KAEDAH KOMERSIL	NILAI PENDAPATAN (RM)
1	Dr. Nik Hisyamudin bin Muhd Nor	UTH Softgel	201313386	Bumimas Interlink Sdn. Bhd	<i>Joint Venture</i>	2,442.67
2	Prof. Madya Dr. Yusri bin Yusof	Mesin Memproses Serat Daun Nenas	PI 201301429	UTHM Holdigs Sdn Bhd & Polisas	Jualan Terus	1,100 .00
3	Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Haji Ibrahim	Portable Quranic Verses Document Shred -Incinerator	Dalam proses	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	Jualan Terus	20,000.00
4	Prof. Dr. Rosziati bte Ibrahim	An Introduction to Object Oriented Programming With UML Using Borland C++	Tiada	Penerbit , UTHM	Jualan Terus	6,150.00

Aktiviti Perundingan

Pada tahun 2013, UTHM turut berjaya mendapatkan beberapa projek perundingan dan konsultansi dengan klien yang meliputi agensi dalam dan luar Negara. Berikut adalah senarai klien bagi aktiviti perundingan yang dijalankan oleh UTHM;

Jadual 11 : Senarai Aktiviti Perundingan UTHM 2013

No	Klien	Konsultansi	Tarikh	Nilai (RM)
1	Sinar Bekal (M) Sdn Bhd	Projek Membangunkan Kursus-kursus Sijil & Diploma IKBN Temerloh - Fasa 2	12-Mar-13	290,138.10
2	Ministry of Labour, Hashemite Kingdom of Jordan	Consultancy for the Reform of Technical and Vocational Education and Training System for the Country of Jordan Under IBRD Loan No.7561-JO	03-Sep-13	3,796,712.16
3	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	Projek Merekabentuk dan Memasang Serta Mengujilari Peralatan bagi Memproses Serat Daun Nanas, Pulpa dan Mesin Pemintal Serat Nanas bagi Pengisian Pusat Pengumpulan Buah Nanas	04-Nov-13	66,900.00
4	Majlis Perbandaran Batu Pahat	Kajian Lalulintas Dalam Kawasan Bandar Penggaram, Batu Pahat	02-Dec-13	195,000.00
JUMLAH				4,348,750.26

Endowmen dan Hadiah

Tabung Endowmen UTHM berperanan untuk membantu Universiti dalam meningkatkan penjaan pendapatan.

Skop penggunaan Tabung Endowmen ini adalah digunakan untuk :

1. Penyelidikan
2. Kebajikan & Aktiviti Pelajar (Bagi yang memerlukan)
3. Pembangunan Infrastruktur Universiti.

a) Endowmen

Antara senarai penyumbang dalam tabung ini adalah seperti berikut :

BIL	SUMBANGAN INDUSTRI / INDIVIDU	JUMLAH (RM)
1.	Lembaga Nenas Malaysia	66,900.00
2.	Ample green coating Enterprise Sdn Bhd	75,000.00
3.	Halton Manufacturing Sdn Bhd	118,400.00
4.	P.T Anugerah Alam Sdn Bhd	210,000.00
5.	DC Associates	50,000.00
	JUMLAH	520,300

b) Hadiah

Antara senarai penyumbang dalam tabung ini adalah seperti berikut :

BIL	SUMBANGAN INDUSTRI / INDIVIDU	JUMLAH (RM)
1.	Staf UTHM	58,121.00
2.	Koperasi	10,000.00
3.	Alumni	1,817,807.70
4.	ARK Synergy Consultant	7,500.00
5.	Ahli Parlimen Sembrong	10,000.00
6.	Perkeso	40,000.00
7.	Mitsubishi Materials Corporation	15,000.00
8.	Infineon Technologies (M) Sdn Bhd	15,000.00
9.	Perodua Sdn. Bhd.	98,000.00
	JUMLAH	2,071,428.70

Geran Pembangunan Produk

Pada tahun 2013, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan telah menguruskan sejumlah 32 projek yang menerima Geran Pembangunan Produk melibatkan peruntukan berjumlah RM 764,140.

Aktiviti Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan 2013

Bagi meningkatkan dan menyuburkan aktiviti Penyelidikan UTHM, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang dapat menyokong pencapaian aktiviti penyelidikan tersebut. Senarai aktiviti yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 12** berikut;

Jadual 12 : Aktiviti Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan 2013

Bil	Nama Aktiviti	Tarikh
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN		
1.	Bengkel Penilaian Permohonan Geran FRGS Fasa 1/2013	7 Februari 2013
2.	Bengkel Penaziran Permohonan Geran FRGS Fasa 1/2013	19 Februari 2013
3.	Taklimat Umum Permohonan Geran Penyelidikan ERGS Tahun 2013	22 Februari 2013
4.	Penilaian (Pertama) Permohonan ERGS Fasa 1/2013	5 Mac 2013
5.	Taklimat KPI RACE8	8 Mac 2013
6.	Penilaian (Pertama) Permohonan ERGS Fasa 1/2013	12 Mac 2013
10.	Pembentangan dan Penilaian Geran Pembangunan Prototaip (PRGS) – Sesi 1	21 Mac 2013
11.	Bengkel Penilaian permohonan Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) – Sesi 2	10 April 2013
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JTTP) Bil.1/2013	15 April 2013
13.	Majlis Penyampaian Skim Geran Penyelidikan FRGS Fasa 1/2013	23 April 2013
14.	Taklimat <i>ScienceFund</i>	15 Mei 2013
15.	Taklimat Umum Aplikasi MyGrant	20 Mei 2013
16.	Taklimat Dokumen Perjanjian ERGS Fasa 1/2013	27 Mei 2013
17.	Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Pusat Penyelidikan Universiti	29 Mei 2013
18.	Sesi Pembentangan Permohonan Dana CLM 2013	30 Mei 2013
19.	Bengkel Penilaian Permohonan RAGS Fasa 1/2013	8 Julai 2013

20.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JTPP) Bil. 2/2013	24 Julai 2013
21.	Mesyuarat Penilaian FRGS Fasa 2/2013	1 Ogos 2013
22.	Bengkel Penilaian FRGS Fasa 2/2013	20 Ogos 2013
23.	Taklimat & Bengkel Berkaitan FRGS Fasa 2/2013	28 Ogos 2013
24.	Bengkel Aplikasi SCOPUS	25 Sept. 2013
25.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JTPP) Bil. 3/2013	23 Oktober 2013
PUSAT INOVASI, PENGKOMERSILAN DAN PERUNDINGAN (ICC)		
1.	Malaysia Technology Expo 2013	21-23 Februari 2013
2.	ITEX 2013	9-11 Mei 2013
3.	Seminar Pengkomersilan Produk Hasil Penyelidikan Ipta 2013	11 & 12 Jun 2013
4.	Konvensyen Bandar Di Raja Malaysia	1&2 Julai 2013
5.	BIO Malaysia	21-23 Oktober 2013
6.	PECIPTA 2013	7-9 November 2013
7.	Research and Innovation Festival 2013	19 & 20 Disember 2013
8.	Sesi Dialog dan Perkongsian Ilmu Pengkomersilan Hasil R&D Universiti : Ke Arah Penyelesaian	20 Disember 2013
PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN		
PUSAT PENYELIDIKAN TANAH LEMBUT (RECESS)		
1.	Soft Soil Engineering International Conference	17-19 September 2013
PUSAT PENYELIDIKAN ELEKTROMAGNET GUNAAN (EMCentre)		
1.	Course on High Speed PCB Design and EMC Measurements	15-17 April 2013
2.	Seminar on Understanding How Passive Components Can Assist in Electromagnetic Compatibility (EMC) Compliance	23 Oktober 2013
PUSAT PEMBUATAN DAN BAHAN TERMAJU (AMMC)		
1.	<i>International Conference on Mechanical and Manufacturing Engineering (ICME) 2013 in collaboration with FKMP</i>	17-18 Disember 2013



HUBUNGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT
| LAPORAN TAHUNAN 2013

HUBUNGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Sepanjang 2013 pelbagai aktiviti jalinan Universiti dan Masyarakat telah dijalankan bagi mengeratkan lagi hubungan antara warga universiti dengan masyarakat sekitar. Pembangunan aktiviti yang dirancang mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak agar aktiviti yang dianjurkan bersesuaian dengan keperluan dan kehendak industri dan masyarakat sekitar.

Jalinan Universiti - Masyarakat

Majlis Penyerahan Rumah Warga Parit Hj. Ali
Hj. Makfoz B. Hj. Sidik (102 Tahun) merupakan penerima rumah yang dibina hasil sumbangan Universiti serta beberapa pihak sama ada dari segi wang ringgit, bahan binaan, tenaga dan lain-lain. Majlis penyerahan kunci rumah ini telah disampaikan oleh Naib Canselor UTHM dan disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Samsol Bari bin Bahari, ADUN Semarang, Penghulu, pemimpin setempat, pegawai kanan Universiti, pegawai Universiti, kariah Masjid dan pelajar-pelajar dari kelab sukarelawan 1M4U. Rumah tersebut mendapat Skim Perlindungan Kebakaran selama 1 tahun berjumlah RM 50,000 sumbangan Pejabat Bendahari UTHM. Majlis ini telah dilaksanakan pada 14 Mac 2013.

Majlis Pelancaran Pusat Transformasi Komuniti-Universiti / University Community Transformation Centre (UCTC)

Majlis yang berlangsung di Kluang Mall, Kluang pada 3 April 2013, telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Hou Kok Chung. Bersempena penubuhan University Community Transformation Centre (UCTC) telah diadakan pelbagai aktiviti antaranya Program Kempen Keselamatan Jalan Raya di 4 buah sekolah di Daerah Batu Pahat dan Kluang. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bentara Luar dan SJK (C) Cheng Siu (1 dan 2) Tanjung Laboh dari daerah Batu Pahat serta Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil dan Sekolah Kebangsaan Dato' Abd. Rahman Yasin dari daerah Kluang. Antara pengisian program ialah Forum Saferoads,

Pameran Keselamatan Jalan Raya, Demonstrasi Keselamatan Kenderaan, Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster (Pelajar Sekolah Rendah). 5 fokus utama penubuhan UCTC adalah Keselamatan Jalan Raya, Briged Bencana Alam UTHM, Pasukan Sukarelawan, "Forest School" dan HAWA "Care".



Mini Pameran dan Majlis Penyerahan Anak Angkat Pelajar UTHM Sempena Perasmian Kampus Sementara UTHM Pagoh

Pada 21 April 2013, telah diadakan Majlis Perasmian Kampus Sementara UTHM Pagoh yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Hj. Mahyiddin bin Hj. Mohd Yassin Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Majlis ini turut menyaksikan acara gimik penyerahan anak angkat pelajar Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPI) oleh Naib Canselor kepada wakil masyarakat Pagoh.



Majlis Penyampaian Sijil Program Persediaan Diploma 2013

Majlis penyampaian Sijil Persediaan Diploma 2013 telah berlangsung di Dewan Tunku Mahkota Ismail (DTMI) pada 26 April 2013.

Seramai 321 pelajar telah menerima sijil termasuk 11 orang pelajar tajaan Universiti. Pelajar-pelajar ini telah mengikuti Program Persediaan Diploma bermula Januari 213 hingga April 2013. Pelajar-pelajar ini mengikuti aktiviti pembelajaran di dalam bidang Matematik, Komputer, Bahasa Inggeris dan Sains Kejuruteraan. Selain itu, pengisian program ini dimantapkan lagi dengan elemen kerohanian dan juga sahsiah diri. Pelajar juga didedahkan dengan aktiviti motivasi seperti Kem Jati Diri. Di akhir program, pelajar di beri peluang menyambung pengajian di peringkat diploma di UTHM.

Kenali Matematik & Kerjaya Bersama Sekolah Kluster

Seramai 80 pelajar serta enam orang guru pengiring dari SMK Bandar Kulai Jaya telah menyertai program ini yang diadakan pada 26 Jun 2013. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Prof. Hashim B. Saim, Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) dengan penyampaian cenderahati dan sijil penyertaan. Objektif utama program ini adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar betapa pentingnya matematik dengan kehidupan manusia, menyemai dan memupuk pelajar agar matematik menjadi subjek yang diminati. Selain dapat menjalinkan kolaborasi antara Universiti dan sekolah melalui aktiviti akademik dan sosial.

Program Integrasi Erat

Program pada 4 Julai 2013 anjuran bersama Kelab Setiausaha (SUTERA) dan Pejabat Penolong Niab Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) ini telah diadakan di perkarangan surau Kampung Parit Yaani. Tujuan utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf UTHM dengan masyarakat setempat selain menghulurkan bantuan keperluan harian bagi meringankan beban masyarakat yang memerlukan terutamanya menjelang bulan Ramadhan. Majlis telah disempurnakan oleh Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed selaku Penasihat SUTERA. Sumbangan berbentuk keperluan surau serta wang tunai telah disampaikan oleh penasihat SUTERA kepada

Pengerusi Surau.

Program Jalinan Kasih Di Ambang Syawal

Program khidmat masyarakat ini diadakan pada 29 Julai 2013 bersempena kehadiran Syawal. Pihak universiti telah berbesar hati menyampaikan sumbangan hari raya antaranya: ~Sumbangan berbentuk hamper raya, duit raya dan beg sekolah oleh Naib Canselor kepada 9 orang staf UTHM (Ibu / Bapa Tunggal).

~Sumbangan kepada 13 keluarga waris staf UTHM oleh wakil KSKUiTTHO, PERKASA dan KEKAS di Zon Parit Raja, Batu Pahat, Yong Peng dan Kluang.

~Sumbangan 18 orang pesakit kanak-kanak di wad Melur Hospital Enche' Hajjah Besar Khalsom

Program Khidmat Masyarakat Sempena Pentaulihan Kor SISPA IPTA 2013

Program Khidmat Masyarakat Sempena Pentaulihan Kor SISPA IPTA 2013 yang diadakan pada 22 Ogos 2013 telah diadakan di 5 buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Agama Ayer Hitam, Sekolah Menengah Sri Lalang, Sekolah Agama Pintas Puding, Sekolah Agama Parit Jelutong dan Sekolah Agama Sri Pandan. Acara pelepasan 'flag off' disempurnakan oleh Penolong Pesuruhjaya (PA) Roslan B. Wahab, Pengarah Bahagian Pengurusan Angkatan, Jabatan Pertahanan Awam, diiringi bersama Pengarah JPAM Negeri Johor dan Komandan Kolonel Kehormat Kor SISPA UTHM; Prof. Dr. Jailani Md. Yunos. Antara aktiviti yang dijalankan adalah mengecat bangunan sekolah, pembersihan persekitaran dalam Kempen tanpa Aedes, penanaman pokok hiasan untuk lanskap dan meletakkan papan tanda khas sebagai tanda ingatan kepada pihak sekolah.

Seminar Keibubapaan

Program Seminar Keibubapaan bertajuk Anak Permata Hati ini menampilkan Pakar Motivasi iaitu Tengku Dr. Hj. Asmadi bin Tengku Mohamad. Program ini merupakan anjuran bersama Kelab Staf UTHM dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK (P) Temenggung Ibrahim Batu Pahat yang merupakan sekolah kluster di bawah UTHM. Para peserta terdiri daripada ibu bapa & guru-guru dari sekolah

Menengah & Rendah Zon Batu Pahat dan staf UTHM yang diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail. Program ini mengupas serta memberikan tip-tip kepada para ibu bapa bagaimana menghadapi karenah anak-anak pada masa kini. Program ini telah disempurnakan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat dan majlis penutup disempurnakan oleh Prof. Dr. Hashim B. Saim, Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) merangkap Pengerusi Kelab Staf UTHM dan pengerusi PIBG SMK(P) Temenggung Ibrahim. Program ini berlangsung pada 21 September 2013.

Konvoi Berbasikal Sempena Karnival Pendidikan Mini Jom Masuk U 2013 2 April 2013

Bertempat di Kluang Mall, Kluang telah diadakan Program Konvoi Berbasikal ke sekolah-sekolah sekitar bagi tujuan mempromosikan program Universiti. Upacara pelepasan 'flag off' disempurnakan oleh Prof. Dr. Hashim b. Saim (PNC HIM) bersama Miss Tey Fui Kein (Executive Director ~ Kluang Mall) di perkarangan hadapan Bangunan Kluang Mall. Konvoi sejauh 28 km ini telah disertai seramai 41 orang terdiri dari staf dan pelajar UTHM Cycling Club (UTHMCC). Mereka turut mengedarkan brosur program Universiti ke sekolah-sekolah sekitar daerah Kluang. Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Tinggi Kluang, Sekolah Menengah Sains Johor, Sekolah Menengah Convent dan Sekolah Menengah Agama Kluang. Pihak pengetua sekolah telah berbesar hati menerima poster dan flyers dari pihak UTHM.

Jalinan Universiti - Industri

Lawatan Kerja Bahagian Governan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Lawatan kerja yang diadakan pada 6 Februari 2013 bertujuan meninjau pelaksanaan sistem pemantauan MoU/MoA UTHM melalui Sistem Kerjasama Universiti (SKU) yang telah dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat. Delegasi UPSI diketuai oleh En. Helmi Zaifura Abdul Rahman, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Governan bersama empat orang

pegawai lain. Sesi taklimat ini disampaikan oleh Dr. Hariati Mohd Taib, Ketua Pejabat Hubungan Universiti dan Industri dengan dibantu oleh Pegawai Sistem Maklumat daripada PTM untuk sesi penerangan mengenai sistem.

Lawatan Kerja Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP)

Lawatan kerja ini bertujuan meninjau pelaksanaan proses penempatan latihan industri UTHM melalui Sistem Latihan Industri yang sedang dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Pejabat Hubungan Universiti dan Industri. Delegasi UNiMAP yang berkunjung pada 9 April 2013 telah diketuai oleh En. Anas bin Abdul Rahman, daripada Centre for Industrial Collaboration (CIC) bersama empat orang pegawai lain. Sesi ini telah diketuai oleh Dr. Hariati Mohd Taib, Ketua Pejabat Hubungan Universiti dan Industri.

Bengkel Pembungkusan dan Penjenamaan Anjuran SME Corp. Malaysia

Bengkel anjuran SME Corp. Malaysia ini telah diadakan bertempat di Hotel Riverview, Muar, Johor pada 27-28 Mac 2013. Seramai sembilan orang pelajar UTHM telah dipilih untuk menyertai bengkel ini yang bertujuan memberi maklumat dan kesedaran mengenai kepentingan pembungkusan dan penjenamaan selaras dengan keperluan pasaran semasa dan global. Para pelajar yang terlibat ini merupakan sebahagian daripada pelajar yang mengikuti SME-University Internship Programme UTHM 2012/2013.

SME-University Internship Programme UTHM 2012/2013

Pada 9 Mei 2013, bertempat di Dewan Jemaah Bangunan Perpustakaan Tunku Aminah, sebanyak empat (4) buah kumpulan telah membuat pembentangan akhir pada sesi ini yang diadili oleh barisan panel hakim daripada SME Corp. Malaysia, SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan wakil syarikat IKS. Pemenang program ini akan mewakili UTHM dalam peringkat kebangsaan dan akan bertanding dengan wakil IPTA yang lain.

Lawatan Kerja Fujitsu Component (M) Sdn Bhd ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pada 15 Julai 2013, UTHM telah menerima kunjungan delegasi daripada pihak Fujitsu Component (M) Sdn Bhd seramai 11 orang yang diketuai oleh En. Motoyama, Pengarah Urusan. Antara program yang telah disusun adalah pada sesi taklimat pengenalan UTHM dan lawatan delegasi ke beberapa makmal berteknologi tinggi di Kompleks Teknologi Kejuruteraan Mekanikal. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Yusri bin Yusof, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan.

SME-University Internship 2013 Championship

Program SME-University Internship merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan di antara pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SME Corp Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Sebagai

kemuncak bagi pelaksanaan program ini kali kedua MITI menganjurkan pertandingan di peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai SME-University Internship 2013 Championship. Sebanyak 16 IPTA telah bertanding bagi menentukan pemenang di peringkat kebangsaan yang berlangsung di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur pada 9 Oktober 2013. UTHM telah diwakili oleh seramai enam orang pelajar yang terdiri daripada pelajar program kejuruteraan mekanikal telah berjaya melangkah ke peringkat akhir dan mendapat tempat keempat (4) pasukan teratas dikalangan 16 buah IPTA. Para pelajar telah memperolehi hadiah kemenangan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM 4,000.00 dan sebanyak RM 2,000.00 untuk syarikat IKS yang terlibat beserta piala dan sijil penghargaan setiap seorang. Pemenang utama pertandingan ini telah disandang oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

UTHM Jalin Hubungan Kerjasama

Tahun 2013 menyaksikan sebanyak tiga Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani antara UTHM dengan rakan kerjasama di samping sebanyak 17 Memorandum Persefahaman (MoU) serta satu Letter of Intent (LoI).

Memorandum Perjanjian (MoA)

Institusi/Agensi/Syarikat	Negara
DILOG Training & Services Sdn Bhd	Malaysia
SME Corporation Malaysia	Malaysia
Halton Manufacturing Sdn Bhd	Malaysia

Memorandum Persefahaman (MoU)

Institusi/Agensi/Syarikat	Negara
Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia	Malaysia
ESI Konsultant Sdn Bhd	Malaysia
Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Malaysia
Malaysia Productivity Corporation (MPC)	Malaysia
Universitas Gadjah Mada	Indonesia
Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-Bio Tech) dan Perbadanan Taman Negara Johor	Malaysia

Persekutuan Silat Melayu Netherland	Belanda
Universiti Malaya	Malaysia
Institut Teknologi Bandung	Indonesia
Kyushu University	Jepun
Nothern Melbourne Institute Of Tafe	Australia
Institute Of Space Technology	Pakistan
Toyohashi University Of Technology	Jepun
Malaysian Pineapple Industry Board	Malaysia
Universitas Brawijaya Indonesia	Indonesia
Institut Pertanian Bogor	Indonesia

Letter Of Intent (LoI)

Institusi/Agensi/Syarikat	Negara
Universitas Katolik Parahyangan	Indonesia

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) UTHM dengan DILOG Training & Services Sdn Bhd

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) telah diadakan di antara UTHM dan Dilog Training & Services Sdn Bhd (DTS) bertempat di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi. Majlis ini diadakan bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak terutama dalam bidang latihan penyenggaraan pesawat terbang bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik. Majlis ini dilakukan pada 29 Mac 2013, semasa berlangsungnya Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) 2013. Pihak DTS telah diwakili Brig. Gen. (R) Anim Harun, Pengarah Urusan manakala pihak UTHM telah diwakili oleh Prof. Dr. Hashim bin Saim, Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTHM. Majlis ini telah disaksikan oleh Datuk Ab Rahim bin Md Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan di bawah Jabatan Kejuruteraan Aeronautik) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan program/aktiviti universiti bersama DTS menerusi MoA yang telah dimeterai ini.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) UTHM dengan Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara

UTHM dan Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia bertempat di Dewan Banquet, Dewan Konvokesyen UTHM pada 25 April 2013. Majlis ini dilakukan semasa berlangsungnya Majlis Sambutan 20 Tahun Lecture Series 3 oleh Prof. Akhmaloka, Rektor ITB. MoU ini ditandatangani bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak terutama dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Pihak ITB telah diwakili oleh Rektor ITB iaitu Prof. Akhmaloka, manakala pihak UTHM telah diwakili Prof. Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM.

Majlis Menandatangani MoU di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Nothern Melbourne Institute Of TAFE (NMIT)

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara UTHM dan Nothern Melbourne Institute Of TAFE (NMIT) yang berlangsung di Prince Hotel, Kuala Lumpur pada 17 Jun 2013. Majlis ini berlangsung sempena NAPEI 2nd International Skills Conference. UTHM telah diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM sementara NMIT diwakili oleh Mr. Mal Rowe, Senior Advisor NMIT. Majlis ini telah disaksikan oleh YB Dato' Hj Ismail bin Hj Abdul Mutalib, Timbalan Menteri Pembangunan Sumber Manusia Malaysia serta The Hon. Louise Asher, Minister for Innovation, Service and Small Business; Minister for Tourism and Major Events; Minister for Employment and Trade, Victoria Australia.

Majlis Menandatangani MoU di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Institute of Space Technology, Pakistan

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Institute of Space Technology (IST), Pakistan bertempat di Dewan Jamuan, Bangunan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM pada 30 Ogos 2013. Majlis MoU ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak terutama dalam bidang akademik dan penyelidikan melalui pendidikan dan penyelidikan khususnya dalam bidang komunikasi wayarles dan teknologi antena. Pihak IST telah diwakili oleh Prof. Imran Rahman, Naib Canselor manakala pihak UTHM telah diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM.

Majlis Menandatangani MoU di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Dewan Sumber Asli, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya pada 1 Oktober 2013. Majlis MoU ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak terutama

dalam bidang pemuliharaan, pendidikan dan kesedaran alam sekitar menerusi kerjasama dalam pelaksanaan Program Rakan Alam Sekitar . Pihak Jabatan Alam Sekitar telah diwakili oleh Y. Bhg. Dato' Halimah bt Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar, manakala pihak UTHM pula telah diwakili oleh Prof. Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Majlis Menandatangani MoU di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Universitas Gadjah Mada dan Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara UTHM dengan Universitas Gadjah Mada dan Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia bertempat di The Katerina Hotel, Batu Pahat pada 5 Oktober 2013. Majlis MoU ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak terutama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan khususnya dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Pihak Universitas Gadjah Mada telah diwakili oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Praktino, Rektor, manakala pihak Universitas Negeri Yogyakarta telah diwakili oleh Prof. Dr. Rochmat Wahab, Rektor. Pihak UTHM pula telah diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM. Majlis ini telah disaksikan oleh Sri Sultan Hamengku Buwono X, Gabenor Daerah Istimewa Yogyakarta.



KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)

UTHM turut menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak industry terutamanya dengan pengusaha industri setempat melalui KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME yang dikawal selia oleh Pejabat Perhubungan Universiti dan Industri. **Jadual 13** berikut merupakan senarai pihak industri yang terlibat di dalam program KTP pada tahun 2013.

Jadual 13 : KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)

BIL	TAJUK PROGRAM	INDUSTRI /KOMUNITI YANG TERLIBAT	KETUA PROGRAM	NILAI GERAN
1	Biodiesel Production Based On Waste Cooking Oil: Promotion Of The Establishment On The Integrated Sustainable Industry At Chip Crackers Factory In batu Pahat	Azhar Manufacturing Sdn Bhd	Prof. Dr. Ing. Darwin Sebayang	RM 103,200.00
2	An Automed Product Identification System For Reverse Logistics Operation In Remanufacturing Industries	Unijoh Enteprise	Prof. Madya Dr. Khalid Hasnan	RM 78,700.00
3	Alat Pemetong Buah Kelapa Sawit : Teknologi Novel Untuk Meningkatkan Hasil Penuaian	Jariz Technology Sdn Bhd	Prof. Madya Dr. Erween bin Abd Rahim	RM 111,000.00
4	Rekabentuk Proses Pengeluaran Produk Kertas Berasaskan Serat Daun Nenas di Industri Kecil & Sederhana Melalui Pendekatan Teknologi Hijau	Shabat Craft Enterprise	Prof. Madya Dr. Yusri bin Hj Yusof	RM 84,320.00
5	Pelaksanaan Sistem Pemakanan Ikan dan Penilaian Prestasi Sistem Pada Keadaan Kolam Sebenar	Bestronics Sdn Bhd	Dr. Salihatun bin Md Salleh	RM 111,000.00

6	To Upgrade Continuous Frying System and To Prolog Maximize The Utilization Of Frying Oil Without Using Chemical Treatment On The Frying Oil	Miaow Miaow Food	Dr. Ng Kim Soon	RM 168,000.00
7	Program Pemindahan Ilmu dan Peningkatan Sistem Pengurusan Penedaran Baja Ben Smart	Anugerah Alam Marketing	Abd Rahman Ahmad	RM 88,970.00
8	Kitchen Exhaust Ventilation Promotion of the Establishment on the Integrated Sustainable Industry at R&D Halton Group Sdn Bhd	Halton Group Asia Sdn Bhd	Dr. Norlezawati Asmuin	RM 122,590.00
9	Penambahbaikan dan Kitar Semula Sisa Industri Sebagai Pigment Dalam Teknologi Coating	Ample Green Coating Enterprise Sdn Bhd	Dr. Sia Chee Kiong	RM 166,050.00
10	Pemindahan Ilmu Amalan Terbaik Bagi Sistem Pengurusan Tanah Perkuburan Islam (SPTPI) Berkonsepkan Taman Teknologi Menggunakan Aplikasi Sistem Maklumat Geografi	Majlis Agama Islam Johor, Daerah Batu Pahat	Sr. Dr. Mustaffa bin Anjang Ahmad	RM 145,448.00





PENERBITAN
| LAPORAN TAHUNAN 2013

Jurnal UTHM

Dua jurnal terbitan UTHM berjaya berada di kedudukan kedua dan kesepuluh dalam senarai MyCite Citation Report (2012) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala jurnal-jurnal lain terbitan Penerbit UTHM yang lain turut disenaraikan dalam Malaysian Citation Center. Dua jurnal berkenaan adalah Journal of Science and Technology (JST) yang menduduki tempat kedua dengan memperoleh impact factor 0.105, Quartile Score 1 (Q1) dan International Journal of Integrated Engineering

(IJIE) di kedudukan ke-10 yang mempunyai impact factor 0.025, Quartile Score 1 (Q3). Sebanyak 60 buah jurnal telah disenaraikan dalam bidang Engineering and Technology dan hanya 13 jurnal telah diberi impact factor dan Q index termasuk jurnal UTHM.

Senarai Penerbitan Buku Ilmiah 2013

Pada tahun 2013, sejumlah 22 buah buku telah berjaya diterbitkan oleh Penerbit UTHM. Buku-buku ini adalah meliputi buku-buku karya asli, suntingan dan SLDN. **Jadual 14** merupakan senarai penerbitan buku ilmiah 2013;

Jadual 14 : Senarai Penerbitan Buku Ilmiah 2013

BIL	TAJUK BUKU	PENULIS	KATEGORI KARYA ASLI / SUNTINGAN / SLDN
1.	Undang-undang Bangunan untuk Pembangunan Perumahan	Izudinshah Abd. Wahab, Lokman Hakim Ismail	Karya Asli
2.	Penyakit Keseimbangan badan dan rawatannya	Zuraida Zainun	Karya Asli
3.	Membina laman web menggunakan CMS	Azizul Zamri Muhamed Amin, Mohamad Aizi Selamat, Mohd Zaki Mohd Salikon, Mohd Norasri Ismail, Mohd Hatta Mohamed Ali	Karya Asli
4.	Total Quality Management	Rosmaini Tasmin	Karya Asli
5.	Pengenalan kepada Step-NC	Yusri Yusof	Karya Asli

6.	Kawalan Bangunan : Pelaksanaan Kelulusan Pelan Bangunan melalui Pusat Sehenti	Azlan Shah Ali, Rohayati Zakaria	Karya Asli
7.	Perspektif akidah dan Tasawuf Islam	Hussain Othman	Karya Asli
8.	Bahtera Marhalah Bangsa	Ku Hasnan Ku Halim	Karya Asli
9.	The Framework For Effective Collaboration Between Public Training Institutions And Private Industries In The Context Of National Dual Training System (NDTS) Environment In Malaysia	Ramli Rashidi	Karya Asli
10.	Interactive Powerpoint for Teachers	Tan King Hiyang	Karya Asli
11.	Mandarin Made Simple	Lim Hong Swan, Choong Kee Foong	Karya Asli
12.	Numerical Methods with Excel	Tay Kim Gaik, Kek Sie Long, Rosmila Abdul Kahar	Karya Asli
13.	FKEE Academic Research Profiles	Muhammad Mahadi Abdul Jamil, Intan Sue Liana Abdul Hamid, Ida Laila Ahmad	Karya Asli
14.	Lukisan Kejuruteraan Teknik Umum-ke-spesifik (Ukes) : Whole-to-Parts	Zainal Abidin Akasah, Maizam Alias, Liaw Yin Huat	Karya Asli
15.	Warisan Malaysia : Cerakinan dan Budaya	Nazarudin Zainun, Ishak Saat	Karya Suntingan
16.	Open source web server dan FTP	Azizul Zamri Muhamed Amin, Mohamad Aizi Selamat, Mohd Hatta Mohamed Ali, Zubaile Abdullah, Mohd Al hafiz Nordin	Karya Asli

17.	Asas Siratan Jala	Sapiee Jamel	Karya Asli
18.	Isu-Isu Ekonomi dan Kewangan Terpilih	Noorah Yusof, Jabil Mapjabil, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood	Karya Suntingan
19.	Kompilasi Kajian Kesejahteraan Psikologi	Amran Hassan	Karya Suntingan
20.	Metamorfosis	Ku Hasnan Ku Halim	Karya Asli
21.	Pembangunan Modal Insan di Malaysia : Pendekatan dan Peranan Institusi	Jabil Mapjabil, Narimah Samat, Seow Ta Wee	Karya Suntingan
22.	Sistem Pangkalan Data	Mohd Helmy Abd Wahab	Karya Asli

Kursus Anjuran PENERBIT UTHM






Bagi memastikan pencapaian KPI Penerbitan UTHM, Pejabat Penerbit telah berjaya menganjurkan lapan program latihan sepanjang tahun 2013. **Jadual 15** merupakan senarai program latihan anjuran Pejabat Penerbit UTHM

Jadual 15 : Senarai Kurus Anjuran PENERBIT UTHM 2013

BIL	TAJUK LATIHAN/KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. KEHADIRAN PESERTA
1	Bengkel Pemurnian Modul Pembelajaran Dan Pengajaran Mengikut Garis Panduan Pembangunan Modul Universiti	12 -14 April 2013	Hotel Selesa, Johor Bahru	38
2	Kursus Mengalihkan Modul & Tesis Kepada Buku (Siri 1)	15 – 16 April 2013	Seri Teratai, Pejabat Pendaftar	57
3	Bengkel Etika Dan Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 1/2013)	16-17 Mei 2013	Bilik Latihan Pejabat Pendaftar	32
4	Bengkel Etika Dan Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 2/2013)	10 – 11 Jun 2013	Pinetree Hotel, Batu Pahat	28

5	Kursus Penulisan Buku Usaha Sama Antara Penerbit Uthm Dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka	25 – 26 Jun 2013	Bilik Persidangan Pej. Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan & Perundingan	27
6	Kursus Mengalihkan Modul & Tesis Kepada Buku (Siri 2)	6 – 8 Sept 2013	Shah's Beach Resort Melaka	24
7	Latihan Open Journal System (Ojs)	14 Nov 2013	Makmal Komputer (Taman Universiti)	19
8	Bengkel Dasar Penerbitan Universiti	22-24 Dis 2013	Pantai Puteri Hotel Melaka	44

SENARAI PENERBITAN JURNAL 2013

NAMA JURNAL	PENERBITAN 2013	KEKERAPAN PENERBITAN	KETUA EDITOR
Journal of Science & Technology Rujuk senarai artikel	Vol. 5 No.1 Vol.5 No.2 	2 kali setahun	Prof. Madya Dr. Zaidi b. Embong
International Journal of Sustainable Construction Engineering dan Technology Rujuk senarai artikel	Vol. 4 No.1 Vol. 4 No.2 	2 kali setahun	Prof. Dr. Ismail b. Abdul Rahman
Journal of Technical Education & Training Rujuk senarai artikel	Vol. 5 No.1 Vol.5 No.2 	2 kali setahun	Prof. Dr. Maizam bt. Alias
International Journal of Integrated Engineering Rujuk senarai artikel	Vol. 5 No.1 Vol.5 No.2 Vol.5 No.3 	3 kali setahun	1. Profesor Dr. Profesor Hj. Ab Aziz bin Abdul Latiff 2. Prof. Madya Dr. Yusri bin Yusof 3. Prof. Madya Dr Muhammad Mahadi Bin Abdul Jamil
Journal of Techno-Social	Tiada penerbitan 	2 kali setahun	Prof. Madya Dr. Khairul Azman b. Mohd Suhaimy

SENARAI PENERBITAN BUKU LECTURE SERIES 2013

BIL	TAJUK	PENULIS	FAKULTI
1	Nanotechnology : Exploring Reasearch Chaotically	PM Dr. Mohd. Arif Agam	Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan
2	Epistemologi Islam dan Pembangunan Insan : Analisis Introspektif	PM Dr. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus	Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan
3	Trend Towards Open CNC System	PM Dr. Yusri Yusof	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

SENARAI PENERBITAN SYARAHAN PERDANA 2013

BIL	TAJUK	PENULIS	FAKULTI
1	Developing Curriculum for Human Capacity Development : What Practitioners Should know	Prof. Dr. Wahid Razzaly	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional


SENARAI PENERBITAN MODUL 2013

BIL	TAJUK MODUL
1.	Etika Profesional Pembinaan
2.	MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI AUTOCAD 2D GRAFIK KEJURUTERAAN
3.	Kepimpinan Dan Pengurusan Dalam PTV
4.	Asas Kejuruteraan Mekanikal
5.	Analog Electronics
6.	Kejuruteraan Jalan Raya Dan Trafik
7.	Modul Pembelajaran Kendiri Pengurusan Makmal Dan Bengkel
8.	Operating System : Hands-On Lab Exercise
9.	Computer Application In Construction
10.	Highway Engineering Module
11.	Engineering Laboratory II
12.	Contract Procedures And Estimations
13.	Building By Law
14.	Kontrak Dan Taksiran
15.	Contract And Estimation
16.	Static And Dynamic
17.	Facilities Management For Construction
18.	Land Survey For Construction
19.	Elektronik 1
20.	Land Economic

21.	Construction Engineering
22.	Technical Communication II
23.	Engineering Laboratory IV
24.	Structure Repair & Rehabilitation
25.	Modul Pembelajaran Reka Bentuk Industri
26.	Pengajian Islam
27.	Pengaturcaraan Java
28.	Tulisan Hiragana
29.	Tulisan Katakana & Asas Kanji
30.	Pengurusan Projek Pembinaan
31.	Teknologi Pembinaan
32.	Engineering Technologist And Society
33.	Principles Of Programming
34.	Pengurusan Kewangan Perniagaan
35.	Statistik Dalam Penyelidikan
36.	Pengaturcaraan Berasaskan Web
37.	Engineering Laboratory V
38.	Engineering Laboratory I
39.	Engineering Laboratory III
40.	Control Engineering
41.	Academic English
42.	TAMADUN ISLAM_2nd Edition
43.	Outcome Based Education
44.	Kemahiran Insaniah
45.	Bahasa Melayu

PENYERTAAN PENERBIT UTHM KE PESTA/PAMERAN JUALAN BUKU 2013

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	30 Januari – 3 Februari 2013	Pesta Buku Malaysia, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur
2.	26 – 27 Februari 2013	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM
3.	28 Februari – 10 Mac 2013	Pesta Buku Brunei
4.	5 – 8 Mac 2013	Perpustakaan UTHM
5.	12 – 14 Mac 2013	FKAAS, UTHM
6.	10 – 16 Mac 2013	Pesta Buku Utara 2013, UUM
7.	19 – 22 Mac 2013	Pesta Konvokesyen Politeknik Port Dickson
8.	26 – 4 Mei 2013	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013
9.	2 – 4 April 2013	Pesta Buku Akademik USM
10.	24 Mei – 3 Jun 2013	Pesta Buku Selangor
11.	28 – 30 Mei 2013	Jualan Penghabisan Stok, UTHM
12.	5 – 9 Julai 2013	Jualan sempena Persidangan Penyelidikan dan Inovasi, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang
13.	2 – 3 September 2013	Jualan sempena Persidangan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET), Hotel Permai, Kuala Terengganu
14.	21 September 2013	Jualan Buku Sempena Persidangan Pentaksiran Pendidikan Pra-universiti dan Pendidikan Tinggi 2013, Dewan Kuliah A, Blok G3, UTHM
15.	5 – 6 Oktober 2013	Jualan Buku Sempena Majlis Konvokesyen ke-13 UTHM
17.	7 – 10 Oktober 2013	Pesta Buku UPSI 2013
18.	23 – 25 Oktober 2013	Pameran Buku Akademik UTeM 2013
19.	29 – 30 Oktober 2013	Jualan Buku Sempena Seminar Kebangsaan Aplikasi Sains & Matematik 2013, UTHM
20.	5 – 11 November 2013	Pesta Buku Indonesia 2013, Istora Gelora Bung Karno, Senayan, Jakarta





PERPUSTAKAAN
| LAPORAN TAHUNAN 2013



Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Puteri Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim telah berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 11 Jun 2013. Majlis yang telah berlangsung di Bangunan Perpustakaan Tunku Tun Aminah telah diserikan lagi dengan tayangan video korporat perpustakaan dan gimik pemasyhuran. Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah turut perkenan menurunkan tandatangan di plak yang telah disediakan sebagai simbolik

pemasyhuran. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Prof. Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM dan isteri, Tuan Haji Wahab Ridwan, Pegawai Daerah Batu Pahat, Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTHM, wakil pemimpin setempat, pegawai-pegawai kanan university, staf dan pelajar-pelajar UTHM. Perpustakaan ini mula beroperasi pada bulan Mei 2010 yang mempunyai keluasan 16,000 meter persegi. Ia boleh menampung lebih 300,000 naskah buku dan 3,000 orang pengguna. Ia menyediakan ruang belajar yang luas dan kondusif. Ia mempunyai 100 bilik karek, 40 bilik perbincangan, 2 bilik seminar, bilik penyelidikan pasca siswazah, auditorium, bilik



penemuan maklumat, bilik rujukan terhad, bilik jurnal dan bilik bacaan 24 jam. Pembangunan koleksi perpustakaan dalam pelbagai bidang pengajian, terutamanya sains dan teknologi, terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk menyokong aktiviti akademik. Pada masa kini, perpustakaan telah mempunyai 200,000 naskah monograf, 10,000 judul tesis, 40 judul jurnal bercetak, 50 judul majalah dan 22,000 unit bahan audio visual. Pihak perpustakaan juga

telah melanggan perkhidmatan 26 pangkalan data, 4 e-books dan 380 judul e-journals.

KOLEKSI

Perpustakaan juga menyediakan koleksi rujukan yang pelbagai kepada para pengguna untuk membuat rujukan. Sehingga 31 Disember 2013, jumlah koleksi Perpustakaan adalah seperti berikut :

Kategori	Jumlah
Buku/Monograf (Akses Terbuka)	209,570 naskah
Rujukan (Kamus, Ensiklopedia, Handbook, Manual, dan sebagainya)	9,370 naskah
Audio-Visual	27,435 naskah
Tesis	11,425 naskah
Majalah	48 judul
Jurnal Akademik	38 judul
Jurnal Elektronik	469 judul
JUMLAH	258,355 bahan

PANGKALAN DATA ATAS TALIAN

Pangkalan data atas talian adalah salah satu kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan bagi memenuhi keperluan akademik di Universiti. Subjek bidang yang disediakan dalam pangkalan data ini meliputi bidang kejuruteraan, sains, pengurusan, ekonomi, pendidikan, IT dan teknologi. Akses pangkalan

data ini adalah secara atas talian dan boleh di capai oleh pengguna di sekitar kawasan UTHM. Pangkalan data ini menyediakan akses teks penuh yang boleh dibuka melalui format PDF atau HTML. Sehingga Disember 2013 Perpustakaan telah melanggan beberapa pangkalan data dan pecahan pangkalan data tersebut adalah seperti di **Jadual 16** berikut;

Jadual 16 : Pangkalan Data Atas Talian

BIL	JENIS	JUDUL
1.	JURNAL ATAS TALIAN	1. ACM Digital Library 2. H.W Wilson Applied Science & Technology full Text * General Science Full Text 3. ASCE (American Society of Civil Engineers) 4. ASME (American Society of Mechanical Engineers) 5. Academic Search Premier: EbscoHost 6. Emerald Management Xtra 7. Ei Engineering Village2 8. IEEE Xplore 9. INSPEC 10. IOP (Institute of Physics)Electronical Journal 11. MathScience 12. ProQuest Education Journal 13. Science Direct 14. SpringerLINK 15. SCOPUS 16. American Physical Society (APS) 17. AVS - Science & Technology of Materials, Interfaces and Processing 18. SAE International Scholarly Journals
2.	THESIS /DISSERTATION	19. ProQuest Dissertation & Thesis
3.	E-BOOK	20. EngnetBase 21. OCLC Netlibrary 22. E-brary 23. Knovel
4.	E-NEWSPAPER	24. Bernama BLIS
5.	STANDARDS & PATERN	25. Malaysian Standards Online (MS ONLINE) 26. British Standard Online (BSOL) 27. Delphion and Delwent 28. ASTM - American Society for Testing and Materials

6.	LAIN -LAIN	29. Book Finder Online 30. OCLC WorldCat 31. 360 Serial Solution 32. Turnitin
7.	E-LAW	33. PNMB LawNet 34. LabourLawBox

JURNAL ELEKTRONIK

Sehingga Disember 2013, sebanyak 469 judul jurnal berada di dalam koleksi Perpustakaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 384 judul disediakan pautan dalam versi elektronik yang boleh di akses secara teks penuh manakala 85 judul adalah dalam bentuk bercetak. Judul elektronik ini boleh di capai di dalam kawasan kampus dan menggunakan eZproxy bagi luar kampus.

BUKU ELEKTRONIK

Perpustakaan telah melanggan empat pangkalan data yang menyediakan kemudahan e-buku iaitu EngnetBase, OCLC Netlibrary, E-brary dan Knovel. Sebanyak 97,643 judul e-buku telah disediakan dan boleh diakses oleh pengguna 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. E-buku ini menggunakan format PDF, dan boleh diakses di dalam kawasan kampus dan luar kampus dengan menggunakan eZproxy.

PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN YANG BERKAITAN

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Akademia Perpustakaan Tunku Tun Aminah, telah menjalankan sebanyak 10 program Kelas Kemahiran Maklumat kepada para pelajar Pasca Ijazah (Sarjana/PhD) berdasarkan permohonan yang melibatkan seramai 171 orang pelajar. Bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, pihak perpustakaan berjaya mengumpul 2037

orang pelajar daripada 61 sesi kelas Literasi Maklumat.

AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN

Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh pihak Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM bagi menyemarakkan lagi program promosi perpustakaan kepada semua warga universiti. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 ialah Program Hari Bersama Pelanggan dan pameran sama ada pameran buku atau pameran berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan serta pengetahuan am bagi menyampaikan mesej penting kepada pengguna dengan cara yang lebih praktikal dan efisien. Objektif utama pelaksanaan Program Hari Bersama Pelanggan ialah bagi memberi peluang kepada pengguna perpustakaan menggunakan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan secara lebih cepat dan mudah. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran pengguna dengan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan terbaru yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Justeru, hubungan yang lebih mesra antara staf perpustakaan dengan pengguna sama ada staf atau pelajar dapat diwujudkan. Sepanjang tahun 2013, pihak perpustakaan telah melaksanakan 11 Program Hari Bersama Pelanggan dan enam pameran seperti dalam **Jadual 17** berikut:

Jadual 17 : Program Hari Bersama Pelanggan

BIL.	FAKULTI/ PUSAT PENGAJIAN	TARIKH
1.	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	26 hingga 28 Februari 2013
2.	Pelajar Baru (Semester II 2012/2013)	5 hingga 7 Mac 2013
3.	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar	12 hingga 14 Mac
4.	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan	12 November 2013
5.	Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan	14 November 2013
6.	Pusat Pengajian Diploma	19 November 2013
7.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	21 November 2013
8.	Pusat Pengajian Siswazah	3 Disember 2013
9.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	5 Disember 2013
10.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	10 Disember 2013
11.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	12 Disember 2013



LAPORAN KEWANGAN
| LAPORAN TAHUNAN 2013


PENDAPATAN MENGURUS

Bagi tahun 2013 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM291,909,659 berbanding RM276,184,706 pada tahun 2012, peningkatan sebanyak RM15,724,953 (6%). Peningkatan ini adalah disumbangkan oleh pertambahan geran kerajaan sebanyak RM14,818,600 (6%). Pemberian kerajaan yang diterima adalah sebanyak RM249,518,600 (85%) manakala pendapatan yang dijana sendiri oleh

UTHM adalah sebanyak RM42,391,059. Yuran pengajian merupakan hasil utama UTHM iaitu sebanyak RM28,244,334 (10%), diikuti oleh pendapatan daripada pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM12,044,337 (4%) serta pelbagai hasil lain sebanyak RM2,102,388 (1%). Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus ini bagi tahun 2013 dan 2012 dapat dilihat dalam **Jadual 18** manakala punca pendapatan mengurus bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam **Carta 2**.

Jadual 18 : Perbandingan Pendapatan Mengurus

Sumber	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	249,519	85	234,700	86
Yuran Pengajian	28,244	10	28,263	10
Pendapatan Faedah	12,044	4	9,448	3
Pendapatan Lain	2,102	1	3,774	1
Jumlah	291,909	100	276,185	100




Carta 2 : Pecahan Pendapatan Mengurus 2013

PERBELANJAAN MENGURUS

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2013 adalah sebanyak RM271,676,226 berbanding RM262,794,278 pada tahun 2012, meningkat sebanyak RM8,881,948 (3%). Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM125,548,552 (46%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM120,239,709 (44%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM8,001,423 (3%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM17,886,542 (7%). Pada tahun 2013, terdapat pengurangan perbelanjaan di bawah Emolumen kerana perbelanjaan gaji dan elaun untuk staf kontrak


dimasukkan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Secara keseluruhannya, jumlah emolumen staf tetap dan kontrak bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM145,133,876 berbanding RM132,349,768 pada tahun 2012, peningkatan sebanyak RM12,784,108 (10%) dan menjadikan peratus emolumen berbanding perbelanjaan adalah sebanyak 53 peratus. Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam **Carta 3. Jadual 19** pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2013 dan 2012. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013 pula ditunjukkan dalam **Carta 4**.



Carta 3 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2013

Perbelanjaan	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM '000	%	RM '000	%
Emolumen	125,549	46	132,350	50
Perkhidmatan dan Bekalan	120,240	44	93,271	36
Pemberian dan Kenaan Tetap	8,001	3	7,563	3
Perbelanjaan Lain	17,886	7	29,610	11
Jumlah	271,676	100	262,794	100

Jadual 19 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus



Carta 4 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 - 2013

PENDAPATAN PEMBANGUNAN

Jumlah pendapatan pembangunan UTHM bagi tahun 2013 yang diterima daripada Kerajaan adalah sebanyak RM31,150,000 berbanding RM81,600,000 pada tahun 2012, peningkatan sebanyak RM50,450,000 (62%). Pada tahun

2013, UTHM juga telah mendapat peruntukan di bawah Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) sebanyak RM4,485,017 bagi menampung bayaran akhir projek. Butiran dan peratusan jumlah pendapatan pembangunan bagi tahun 2013 dan 2012 dapat dilihat dalam **Jadual 20**.

Sumber	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM'000	%	RM'000	%
Geran Pembangunan Kerajaan	31,150	87	81,600	100
Inisiatif Kewangan Swasta (PFI)	4,485	13	0	0
Jumlah	35,635	100	81,600	100

Jadual 20: Perbandingan Pendapatan Pembangunan


PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan daripada peruntukan pembangunan Kerajaan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM38,854,268 manakala perbelanjaan daripada Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) adalah berjumlah RM4,007,885, menjadikan keseluruhan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM42,862,153. Pada tahun 2013, UTHM telah melaksanakan pembayaran berjumlah RM33,600,000 bagi pembelian tanah untuk Hub Pendidikan

Tinggi Pagoh menggunakan peruntukan yang diterima pada tahun 2012 untuk tiga agensi lain iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Politeknik serta Kemudahan Gunasama. Perbandingan jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 dan 2012 adalah seperti di dalam **Jadual 21** manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2009 sehingga 2013 dapat dilihat dalam **Carta 5**.

Perbelanjaan	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM'000	%	RM'000	%
Tanah	17,232	40	391	1
Peralatan	9,627	22	1,659	3
Infrastruktur	9,583	22	7,266	13
Bangunan	6,420	16	45,854	83
Jumlah	42,862	100	55,170	100

Jadual 21 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan



Carta 5 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2009 - 2013



PENYATA KEWANGAN
| LAPORAN TAHUNAN 2013



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya, yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

